

Jilid I
Bil. 78



Hari Rabu
17hb Oktober, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8475]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8503]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia [Ruangan 8504]

Rang Undang-undang Taman Negara [Ruangan 8557]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI DR HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 17hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DI-
RAJA—BARANG-BARANG YANG
DITAHAN

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Kastam dan Eksais berhak menahan barang-barang yang dibawa masuk ke negara ini dan dalam setengah kes barang-barang ini ditahan sehingga berbulan-bulan dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil supaya barang-barang yang dikecualikan dari cukai boleh dituntut oleh tuannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia berhak menahan barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negara ini. Kuasa ini adalah dibekalkan di bawah Akta Kastam 1967. Bagi barang-barang yang dikecualikan cukai-cukainya, pengimpot bolehlah menuntunya dengan mengemukakan kepada pihak Kastam Surat Kuasa daripada Kementerian Kewangan yang meluluskan pengecualian tersebut serta membuat perakuan di dalam borang-borang ikrar Kastam berkenaan menuntut pengecualian tersebut.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini biasanya berapa lamakah bagi pihak Kastam untuk memproses dan melepaskan barang-barang yang ditahannya kerana banyak

aduan mengenai barang-barang yang ditahan bukan sahaja berbulan-bulan kadang-kadang bertahun-tahun dan lebih 2 tahun pun ada kes ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, lamanya masa barang itu ditahan adalah bergantung kepada keadaan. Misalnya, barang itu kadang-kadang ditahan oleh kerana tidak ada persamaan antara barang yang dibawa masuk dengan barang yang diisytiharkan sebagai dikecualikan daripada cukai di dalam dokumen-dokumen tersebut. Juga kadang-kadang penilaiannya tidak tepat dan kadang-kadang dokumen-dokumen tidak lengkap. Jadi, apabila maklumat-maklumat tambahan diperlukan oleh Kastam daripada pengimpot itu dapat diperolehi lebih awal cepatlah dilepaskan barang itu.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Adakah barang-barang ini akan dilelong dalam jangka masa yang ditentukan?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di sini tidak timbul hal melelong barang itu kerana barang itu telah dikecualikan cukai dan kalau dapat dibuktikan barang itu tepat barang yang dikecualikan, tidak timbul soal melelongnya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang senang rosak seperti buah-buahan sekarang ini dikenakan cukai, ditahan lamakah ataupun sebentar kalau ada perbezaan di antara kenyataan dengan declaration.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dibezakan tetapi terpujanglah kepada pengimpot itu mengemukakan surat-surat yang berkenaan dan membawa masuk barang yang tepat dikecualikan itu supaya mengelakkan daripada terpaksa ditahan oleh pihak Kastam.

MAS—MEMPERBESAR DAN MEMPERMODENKAN PERKHIDMATAN

2. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah baru yang telah diambil untuk memperbesar dan memodenkan MAS dan kedua-dua perkhidmatan dalam dan luar negeri.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan MAS telah dan sedang diperbesar dan dipermodernkan dengan cara berikut:

- (i) Dengan menambahkan kapalterbang dan juga menggantikan sebahagian daripada kapalterbang dengan jenis yang lebih besar dan moden.
- (ii) Dengan menambahkan lagi bilangan-bilangan penerbangan dalam dan luar negeri dan juga mengadakan penerbangan-penerbangan ke destinasi-destinasi baru.
- (iii) Dengan menyusun semula organisasi MAS.

Bagi perkhidmatan dalam negeri, pihak MAS bercadang untuk menggantikan kapal-terbang jenis F27 dalam masa 5 tahun akan datang dengan kapalterbang jenis jet yang lebih besar. Di samping itu, MAS merancang untuk menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan bagi penerbangan di antara Kuala Lumpur/P. Pinang, Kuala Lumpur/Kota Kinabalu, Kuala Lumpur/Kuching dengan menggunakan kapalterbang jenis Airbus dalam 1980/81.

Pihak MAS juga akan menambahkan kapasiti bagi perkhidmatan luar bandar di Sabah dan Sarawak dengan mengadakan kapalterbang-kapalterbang jenis lebih besar dari yang ada sekarang, dan juga melancarkan perkhidmatan luar bandar di Semenanjung.

Adalah dijangka dalam masa 5 tahun akan datang, perkhidmatan dalam negeri akan ditambah, begitu juga perkhidmatan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Bagi perkhidmatan antarabangsa, kapalterbang MAS jenis DC10 dan Airbus akan ditambah bagi menggantikan kapal-terbang jenis B707.

Kapalterbang jenis Airbus akan digunakan bagi perkhidmatan di rantau ini iaitu ke Hong Kong, Taipei, Tokyo, Jakarta, Perth dan Madras, dan kapalterbang DC10 akan digunakan bagi penerbangan ke Australia dan Eropah.

Mulai dalam tahun 1980 MAS bercadang mengadakan perkhidmatan ke Amsterdam dan Paris, dan perkhidmatan ke London akan ditambah dari 2 kali seminggu kepada 4 kali seminggu. Tambahan perkhidmatan bagi perkhidmatan antarabangsa bergantung kepada adanya penumpang-penumpang yang cukup supaya perkhidmatan itu ekonomik, dan pihak MAS akan menambahkan perkhidmatan setelah ia berpuas hati bahawa perkhidmatan itu layak ditambah atau dilancarkan.

Mengenai penyusunan semula organisasi MAS, Kerajaan bermaksud melantik firma konsultant bagi meneliti aspek-aspek yang penting dalam organisasi MAS.

KAEDAH TATATERTIB (KAKITANGAN UNIVERSITI)

3. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan Kaedah-kaedah Tatatertib (Kakitangan) Universiti sekarang ini sama ada sedang dikuatkuasakan atau sedang di-gantung untuk kajian semula.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kaedah-kaedah tatatertib kakitangan universiti pada mulanya telah diwartakan pada 15 Februari 1979 untuk dilaksanakan dan dikuatkuasakan pada 16 Februari 1979. Tetapi setelah Badan-badan Perwakilan Kakitangan Universiti-universiti menarik perhatian saya atas beberapa perkara yang merunsingkan mereka, saya telah menganjurkan beberapa perjumpaan dan didapati bahawa beberapa peruntukan di dalam peraturan itu tidak memuaskan dan perlu dikaji semula. Hasil daripada perjumpaan itu ialah bahawa beberapa pindaan terhadap peraturan-peraturan asal telah dibuat. Pindaan kepada peraturan-peraturan ini telahpun diwartakan semula dengan tarikh kuatkuasanya masih juga pada 16 Februari, 1979.

GAJI PEKERJA-PEKERJA DI SABAH DAN SARAWAK

4. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada rakan sejawat mereka di Malaysia Barat memandangkan sara hidup yang tinggi, walaupun demikian gaji bersih yang diperolehi oleh mereka selepas penolakan cukai adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sara hidup yang tinggi oleh kerana gaji yang tinggi bererti kadar cukai yang lebih tinggi, jika ya, sama beliau akan menimbang membenarkan potongan yang menasabah bagi mereka yang bekerja di Sabah dan Sarawak.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sedar bahawa pendapatan yang diterima oleh pekerja-pekerja di Sabah dan di Sarawak adalah lebih tinggi daripada di Semenanjung. Ini ialah kerana perhatian telahpun diberi kepada kos sara hidup di Sabah dan di Sarawak melalui satu pembayaran elaun wilayah seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum. Manakala pendapatan seseorang itu bertambah, tentu sekali tanggungan cukainya juga bertambah kerana struktur cukai telah dibentuk berdasarkan prinsip keupayaan membayar ataupun dalam bahasa Inggeris "ability to pay". Oleh yang demikian, soal potong dari cukai tidak ditimbul.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah hendak minta elaun lebih.

CEK DARIPADA NEGERI YANG BERASINGAN

5. Tuan Au How Cheng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar perdagangan antara Negeri-negeri terjejas kerana cek-cek daripada Negeri-negeri yang berasingan kadangkala memerlukan lebih daripada 10 hari untuk dijelaskan. Jika ya, sama ada Bank Negara akan mengadakan peraturan-peraturan baru supaya cek-cek antara Negeri dapat dijelaskan dalam satu atau dua hari.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masa yang diambil oleh bank-bank perdagangan bagi menjelaskan cek-cek ber-

lainan negeri (outstation cheques) adalah bergantung kepada jangkamasa penghantaran surat dan peraturan-peraturan pentadbiran yang diamalkan oleh tiap-tiap bank. Dalam keadaan biasa, cek-cek tersebut boleh dijelaskan dalam masa beberapa hari sahaja dan tidak sepatutnya melebihi 10 hari. Bank Negara Malaysia sedang mengkaji dengan teliti tatacara yang digunakan dalam penjelasan cek-cek berlainan negeri bagi menyalurkan sistem penjelasan yang ada sekarang dan memendekkan lagi jangka masa yang diambil bagi menjelaskan cek-cek tersebut. Bank Negara Malaysia akan terus mengambil tindakan untuk melicin dan mempercepatkan lagi penjelasan cek-cek supaya tidak menimbulkan masalah kepada orangramai. Bagi cek-cek setempat (local cheques), Bank Negara Malaysia telah menyalurkan peraturan-peraturan rumah penjelasan (clearing house) serta memperbaiki tatacara dan sistem penjelasan cek. Hasil dari tindakan tersebut, orangramai boleh menjelaskan cek mereka dalam tempoh 2 hari sahaja.

SABSIDI BAJA

6. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah peruntukan bagi subsidi baja yang diberikan kepada penanam-penanam padi bagi tahun 1979. Berikan angka-angka mengikut negeri-negeri dan nyatakan peranan Persatuan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di dalam menjalankan pembahagian subsidi baja tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Jumlah peruntukan bagi subsidi baja yang diberi kepada penanam-penanam padi bagi tahun 1979 ialah hampir \$100 juta dan pecahan mengikut negeri ialah seperti berikut:

(a) Perlis	\$ 1,300,000
(b) Kedah	20,000,000
(c) Pulau Pinang	11,700,000
(d) Perak	17,300,000
(e) Selangor	14,000,000
(f) Negeri Sembilan	1,700,000
(g) Melaka	1,000,000
(h) Johor	3,000,000
(i) Pahang	1,000,000
(j) Trengganu	13,300,000
(k) Kelantan	15,000,000

Jumlah ... \$100,000,000

Peranan Lembaga Pertubuhan Peladang di dalam skim subsidi baja ialah mentadbir, mengatur dan melaksanakan pembahagian subsidi baja di koperasi-koperasi peladang di dalam kawasan pengendalian LPP sendiri dan Persatuan Peladang Kebangsaan (Nafas) boleh diberi peranan untuk menguruskan pembekalan dan pengedaran baja kepada koperasi-koperasi peladang tersebut.

ANGKATAN TENTERA—JAWATAN TIMBALAN KETUA TURUS

7. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pernah pada satu ketika dahulu yang Angkatan Tentera mempunyai dua orang berpangkat Jeneral penuh dan mengikut struktur militari sekarang sama ada diwujudkan satu jawatan baru Timbalan Ketua Turus Angkatan Tentera yang berpangkat Jeneral atau Ketua Turus Tentera Darat dinaikkan pangkatnya ke Jeneral dengan menseimbangkan kedudukan, taraf serta gajinya bersamaan dengan Ketua Polis Negara dan Timbalannya supaya kedua-dua cawangan Pasukan Keselamatan mempunyai tanggungaji yang sama, walaupun tidak lebih. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa pada tahun 1975 dahulu Angkatan Tentera ada mempunyai dua orang pegawai yang berpangkat Jeneral penuh. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatan Jeneral penuh yang ada disamping jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera pada masa itu adalah merupakan jawatan personal-to-holder dan jawatan itu telah dimansuhkan setelah pemegangnya bersara daripada Angkatan Tentera. Walau bagaimanapun, pada satu masa apakala Angkatan Tentera diperbesar, soal untuk mewujudkan semula satu lagi jawatan Jeneral yang penuh mungkin akan dipertimbangkan atas keperluan perkhidmatan. Dalam mempertimbangkan jawatan ini persamaan dengan jawatan dalam Jabatan Polis hendaklah dianggap sebagai asas.

KERAJAAN KAMPUCHEA DI BAWAH POL POT

8. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan kita mengiktiraf Kerajaan Kampuchea di bawah pimpinan Perdana Menteri Pol Pot atau Rejim Heng Samrin dan apakah keuntungan yang kita perolehi dari pengiktirafan Kerajaan Pol Pot itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan kita sekarang mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana ianya merupakan Kerajaan yang sah yang telah ditubuhkan oleh rakyat Kampuchea setelah tamatnya peperangan di Indo-China dalam tahun 1975. Pengiktirafan kita terhadap Kerajaan Demokratik Kampuchea pada 18hb April, 1975 juga adalah wajar. Ahli Yang Berhormat mungkin juga maklum bahawa surat tauliah Kerajaan Demokratik Kampuchea tetap terus diiktiraf dan diterima oleh Persidangan-persidangan di Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 24 yang bersidang sekarang ini. Faedah yang kita perolehi dengan mengambil pendirian tegas di dalam perkara ini adalah penghormatan masyarakat antara bangsa terhadap negara-negara kecil yang sedang membangun seperti negara kita dan mempunyai pendirian tidak menerima dan tidak dapat menerima apa juga justifikasi terhadap campur tangan secara tentera asing ke atas sesuatu negara. Ini adalah merupakan satu prinsip asasi yang menjadi dasar hubungan antara negara. Kita tidak boleh membiarkan prinsip ini dicabul.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan pengiktirafan kita kepada Kerajaan Kampuchea yang lama itu telah menyebabkan Kerajaan kita dan negara-negara ASEAN ini dituduh oleh pihak Vietnam dan sekutunya bahawa kita menyebelahi Kerajaan China dan lain-lain kuasa besar Barat. Ini menyebabkan kedudukan kita makin terdesak dengan negara Vietnam ini. Apakah langkah selanjutnya supaya dapat kita menerangkan kedudukan kita yang sebenarnya.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa akibat daripada pengiktirafan ini ialah timbulnya tuduhan mengatakan kita menyebelahi pihak

Kerajaan yang dipimpin oleh Pol Pot. Timbulnya ini adalah daripada salah pengertian di atas pendirian kita yang mana kita tidak mengiktirafkan Kerajaan yang sekarang ini diakui akan memerintah negeri Kampuchea. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menerangkan pendirian kita yang sebenar umpamanya, lanjutan daripada pendirian yang telah dibuat di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Havana baru-baru ini. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri telah mengadakan beberapa perjumpaan sama ada di Havana atau di Bangsa-bangsa Bersatu di New York dengan pemimpin-pemimpin negara Vietnam menerangkan pendirian kita yang sebenar dan mengapakah kita menyokong Kerajaan Demokratik Kampuchea dan sehingga ini pihak Vietnam menghargai sebab-sebab mengapa kita masih menyokong Kerajaan Demokratik Kampuchea.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Timbalan Menteri mengatakan satu alasan bagi kita mengiktiraf Kerajaan Pol Pot ini kerana Kerajaan itu ditubuhkan oleh rakyat jelata. Sampai bilakah, Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan akan berlaku mengikut *de facto* ialah Ieng Sari jadi jikalau dia habis dan tidak timbul pun, kita hendak mengiktiraf mereka ataupun pada suatu masa nanti kita hendak mengiktiraf yang ada ini. Kalau waktu itu kita mengiktiraf yang ada ini, apa pula keadaan kita dengan Kerajaan yang ada sekarang ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Berapa lamakah, Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengiktiraf Kerajaan yang ada ataupun sama ada kita akan mengiktiraf mana-mana Kerajaan yang baru termasuk apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Kerajaan ataupun regime yang dipimpin oleh Heng Samrin sekarang ini terserahlah kepada keadaan-keadaan yang akan ujud selaras dengan beberapa keperluan yang sedang kita perhatikan pada masa ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan sikap kita mengiktiraf Kerajaan Kemboja yang lama dan tuduhan Kerajaan Vietnam terhadap kita ini ada kemungkinan pihak Kerajaan Vietnam menggunakan helah ini untuk mengadakan konfrantasi yang berterang-terangan dengan negara kita.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah berusaha dan akan terus berusaha menerangkan apakah menjadi sebab pada pendirian kita yang ada sekarang ini dan atas perhubungan yang masih dan diharapkan terus terjalin ini, dalam mana kita akan menggunakan kemudahan ini menerangkan apakah sebenarnya pendirian kita sebagai usaha mengelakkan ianya daripada disalah ertikan. Soal tuduhan yang membawa kepada sebarang tindakan kekerasan mungkin, kita berharap akan dapat juga terus dielakkan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap Regime Pol Pot ini dengan alasan bahawa regime inilah yang merupakan satu pemerintahan yang dibentuk oleh rakyat negeri itu. Tetapi kita tahu bahawa kemunculannya atau wujudnya regime itu pun hasil daripada campur tangan asing dan juga hasil daripada konspirasi kuasa-kuasa asing dalam menumbangkan sebuah Kerajaan dengan Kerajaan yang lain. Begitu juga dengan regime yang baru yang diketuai oleh Heng Samrin ini pun merupakan hasil campur tangan asing juga.

Jadi kalau sekiranya kita menolak campur tangan asing dan konspirasi di dalam pembentukan sebuah Kerajaan untuk kita iktirafkan jadi bagaimanakah perbezaan itu pada pandangan Kerajaan Malaysia sehingga kita boleh mengiktiraf regime Pol Pot dan tidak mengiktiraf regime yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? Ini tengah menunggu apa soalan tambahannya.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya kata bagaimanakah, barangkali Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa dengar saya kata

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar "bagaimanakah itu masih . . ." Itu bertanya fikiran. Kalau bertanya fikiran, saya tolak di bawah 23 (1) (h).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Bukan, itu asas-asas yang dipakai oleh Kerajaan Malaysia di dalam mengiktiraf satu regime dan menolak regime yang lain

pada hal kita tolak dari segi kita hendak menetapkan dasar itu daripada keadaan yang sama yang ujud apa yang berlaku di Kampuchea itu.

Dan yang kedua, tidakkah di dalam memberi pengiktirafan itu Kerajaan Malaysia menimbangkan juga faktor-faktor peri kemanusiaan iaitu bagaimana regime Pol Pot ini telah melanggar hak-hak asasi manusia dan melakukan kezaliman dan kekejaman yang tidak ada bandingnya di dalam sejarah dunia moden hari ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan yang di-Pertua, soal campur tangan ini kalau digunakan secara menyeluruh berlaku sepanjang masa dan pada banyak keadaan dan tempat. Jadi di sini bila kita memperkatakan campur tangan apa yang dititik beratkan ialah pertama corak campur tangan itu dan kedua, peringkat ataupun degree campur tangan yang dilakukan oleh sebarang kuasa luar.

Yang kedua tentang soal peri kemanusiaan. Peri kemanusiaan dan campur tangan sahaja secara berasingan atas dua perkara ini bukanlah sahaja merupakan perkara yang menjadi pertimbangan dalam kita memutuskan pendirian kita terhadap Kerajaan yang memerintah negara Kampuchea. Kalau kita melihat dari segi berlakunya peristiwa-peristiwa di negara Kampuchea nyata bahawa apa yang penting bagi mencapai penyelesaian bukannya soal pengiktirafan tetapi apakah corak penyelesaian yang diperlukan dan kita berpendapat sekarang ini yang menjadi lebih penting sekarang ialah supaya suatu cara penyelesaian politik dapat dicapai di Kampuchea supaya dapat menjamin bahawa keadaan keamanan dan kestabilan dapat dipulihkan semula.

Tuan Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminjam akan jawapan Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa sikap kita akan berubah bila melihat akan keadaan yang timbul di sekeliling.

Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Luar Negeri itu, adakah beliau ataupun Kementeriannya berfikir bahawa regime Pol Pot boleh dipulihkan selaras dengan keputusan yang diambil oleh negara-negara ASEAN dan 77 buah negara-negara berkecuali. Saya ulang lagi, apakah beliau dan Kementerian beliau berfikir bahawa regime Pol Pot dapat dipulihkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak boleh dijawab di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi di dalam jawapan terhadap soalan saya, Timbalan Menteri Luar Negeri ada menyatakan bahawa pengiktirafan tidak penting tetapi yang penting ialah penyelesaian terhadap masalah itu. Dan jika sekiranya pengiktirafan ini tidak penting mengapa Kerajaan mengambil sikap secara tergesa-gesa mengiktiraf satu regime dan tidak mengiktiraf yang lain?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tidak pentingnya soal pengiktirafan dalam konteks apakah keperluan kita yang lebih besar dalam soal Kampuchea ini, bukannya bermakna pengiktirafan mana-mana negara itu tidak penting. Tetapi dalam konteks memperkatakan soal kedudukan Kampuchea dengan hubungannya serta kepentingannya kepada sama ada Malaysia ataupun ASEAN, banyak perkara-perkara yang lain terutama seperti saya sebutkan tadi soal mencari dan mencapai satu penyelesaian secara politik adalah menjadi soal yang pokok dan pengiktirafan itu hanya merupakan salah satu tindakan yang boleh membawa kepada usaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tadi, walaupun di dalam kaitan dengan penyelesaian tentang sikap ASEAN dan juga keadaan yang berlaku di Kampuchea tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu sedar bahawa pengiktirafan itu juga mempunyai pengaruhnya di dalam soal penyelesaian politik ini memandangkan bahawa kita dengan pengiktirafan kepada satu pihak itu telah menimbulkan satu keadaan yang tidak menyenangkan pihak yang lain.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan sebab itulah beberapa perbincangan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohammad Taufek bin Datuk Haji Asneh.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O. K. K. Haji Asneh tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Ting Chek Ming: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Bruas.

PELABUHAN KUANTAN

10. Tuan Ting Chek Ming (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Pelabuhan Kuantan tidak boleh digunakan sungguhpun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan dan berikan keterangan penuh mengenai keadaan sekarang Pelabuhan tersebut dan rancangan Kerajaan yang akan dilancarkan pada masa hadapan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Pelabuhan Kuantan dibuat berperingkat-peringkat kepada beberapa bahagian iaitu:

(i) Pembinaan "Breakwaters"	\$ 71.3 juta
(ii) Dredging	42 juta
(iii) Quaywalls	30 juta
(iv) Bangunan dan kemudahan-kemudahan pelabuhan ...	24.5 juta
(v) Navigational Aid dan ...	0.8 juta
(vi) Lain-lain perbelanjaan yang akan menjadi jumlah kesemuanya	246 juta

Masalah yang telah berlaku pada Pelabuhan Kuantan itu ialah bahagian quaywall (dermaga) yang dibina dengan belanja \$30 juta iaitu di dermaga utama telah berlaku keretakan yang mengakibatkan dermaganya bergerak dan kerosakan di bahagian bangunan gudang. Akibat kerosakan sebahagian daripada Pelabuhan itu, iaitu bahagian daripada dermaga utama menyebabkan Pelabuhan Kuantan tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Bagaimana yang telah dijelaskan oleh Mendiang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada 8hb Oktober 1979 di dalam Dewan yang mulia ini, setakat ini Kerajaan belum dapat memastikan sama ada keretakan itu adakah disebabkan oleh kesilapan reka-bentuk ataupun kesilapan dari segi pembinaan, dan sama ada kerosakan itu dapat dibaiki dengan mudah ataupun mengambil masa yang panjang.

Berdasarkan kepada hakikat ini, maka pihak Kerajaan telah melantik satu firma perunding antarabangsa yang bebas untuk menyasat dan kemudiannya membuat laporan lengkap mengenai Pelabuhan Kuantan itu. Kerajaan telah melantik firma perunding Sir Bruce White & Partners untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Tempoh masa berapa lama kerja-kerja membaiki kerosakan ini belum dapat diketahui lagi sehingga kajian penyiasatan dan laporan diterima oleh Kerajaan. Kos memperbaiki Pelabuhan Kuantan ini belum dapat kita tentukan selagi firma perunding yang dilantik itu belum membuat laporan mereka.

Walau bagaimanapun Kerajaan juga telah memutuskan hendak menjalankan "partial operation" dengan menggunakan dermaga cecair (mineral oil berth) dan "palm oil Dolphin" bagi mengendalikan bahan-bahan bakar, kayu-kayan dan minyak kelapa sawit dengan seberapa segera yang boleh.

HARGA DAN BEKALAN DIESEL

11. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa sering kali terdapat kekurangan minyak disel di pam-pam minyak sungguhpun harga minyak sering kali dinaikkan, ataupun Kementerian tidak tahu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima banyak soalan-soalan berkenaan dengan bekalan dan harga barang petroliam khususnya harga dan bekalan disel. Saya ingin pada hari ini untuk memberi satu jawapan sebagai jawapan untuk meliputi soalan-soalan yang telah diterima daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan dan harga barang-barang petroliaam di Negara mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah minyak mentah di seluruh dunia. Kalau dahulu semua jenis kekurangan boleh diatasi dengan memberikan bekalan yang tidak terhad tetapi pada masa ini perkara seumpama ini tidak lagi dapat dilakukan dengan sepenuhnya disebabkan oleh kerana kekurangan minyak mentah di seluruh dunia. Walaupun terdapat keadaan yang telah dinyatakan di atas, bekalan minyak disel di Negara telah bertambah jika perbandingan diperbuat dengan bekalan disel pada tahun 1978. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan disel di seluruh Negara bagi lapan bulan pertama tahun 1979 jika dibandingkan dengan bekalan disel lapan bulan pertama tahun 1978, telah menunjukkan pertambahan sebanyak 49,052,834 gelen yang mana ini memberikan peratusan tambahan bekalan sebanyak 14.23%

Di samping itu pengeluaran minyak disel di Negara juga telah bertambah jika dibandingkan dengan pengeluaran tahun 1978. Jumlah pertambahan pengeluaran minyak disel bagi lapan bulan pertama 1979 adalah menunjukkan angka pertambahan sebanyak 21,019,412 gelen jika dibandingkan dengan pengeluaran bagi jangkamasa yang sama dalam tahun 1978. Ini mencatatkan peratusan 8.58%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengimpotan disel di Negara bagi lapan bulan pertama 1979 telah juga bertambah dengan kadar sebanyak 15.8% jika dibandingkan dengan jumlah pengimpotan disel yang diperbuat bagi lapan bulan pertama tahun 1978 dan jumlah tambahannya ialah sebanyak 15,887,454 gelen.

Walaupun ternyata nampak pertumbuhan dari segi pengeluaran dan pengimpotan tetapi disebabkan oleh permintaan Negara yang bertambah maka Negara masih lagi menghadapi kekurangan. Kerajaan di dalam usahanya untuk menentukan bahawa penggunaan disel tidak terjejas, telah membawa masuk Petronas ke dalam pasaran runcit disel. Petronas sejak bulan Jun, 1979 telah membekalkan sebanyak 4,118,817 gelen minyak disel ke pasaran Negara.

Daripada data-data di atas maka bolehlah dikatakan bahawa bekalan minyak disel di Negara yang dibekalkan oleh Syarikat-syarikat

Minyak dan juga bekalan tambahan Petronas adalah mencukupi dan kekurangan-kekurangan minyak disel sepatutnya tidak akan berlaku. Mengikut pandangan Kementerian, masalah-masalah kekurangan bekalan disel di Negara ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang berikut:

- (i) rasa cemas atau "panic reaction" oleh pengguna-pengguna yang sanggup membayar harga disel dengan kadar yang mahal;
- (ii) ada pengedar-pengedar dan pembekal-pembekal yang telah mengarahkan bekalan disel kepada pihak-pihak tertentu dengan harga yang mahal padahal bekalan tersebut bukanlah dimaksudkan untuk bekalan pihak-pihak tersebut;
- (iii) terdapat pihak-pihak yang mengamalkan penyorokan minyak disel dan menjualkannya dengan harga yang lebih mahal; dan
- (iv) penyeludupan ke Negara-negara jiran di mana harga minyak disel adalah lebih tinggi daripada harga minyak disel di Negara.

Kementerian saya sedar di atas berlakunya perkara ini dan untuk menentukan bahawa bekalan barang-barang petroliaam khususnya minyak disel dibekalkan kepada semua tempat, satu peraturan mengarahkan Syarikat-syarikat Minyak mengemukakan maklumat-maklumat berkenaan dengan hantaran bekalan yang dijadualkan (preplanned delivery) telah diadakan. Berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diterima, Kementerian saya akan dapat mengesan dan membuat pengawasan ke atas bekalan-bekalan yang diberikan. Di dalam masalah bekalan ini Kementerian saya ingin memberi jaminan iaitu tindakan-tindakan tegas telah, sedang dan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan dan lain-lain aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang yang diperuntukkan. Di samping tindakan di atas, Kementerian saya telah juga membuat satu peraturan Undang-undang yang mewajibkan Kenyataan Penjualan dikeluarkan ke atas setiap penjualan minyak disel dari semua peringkat. Peraturan ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa penyelewengan tidak dilakukan oleh mana-mana pihak.

Berkenaan dengan kenaikan harga minyak dan barang-barang petroliaam, sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya nyatakan bahawa kilang penapis minyak di Malaysia menapis sebanyak 130,000 tong minyak mentah sehari. Daripada angka ini 76,000 tong minyak mentah adalah minyak yang diimpot dari Timur Tengah. Harga-harga minyak yang diimpot ditetapkan oleh OPEC atau negara-negara pengeluar minyak. Sementara itu, minyak mentah keluaran Malaysia juga adalah menurut harga di pasaran dunia. Harga "Marker Crude" OPEC pada tahun 1977 ialah US\$12.74 satu tong dan ini telah meningkat sebanyak 14% kepada US\$14.55 satu tong mulai 1hb April, 1979 dan mulai dari 1hb Julai, 1979 OPEC telah menaikkan harga asas minyak mentah sebanyak 24% kepada US\$18 satu tong dan juga menetapkan satu harga bumbung (ceiling price) pada harga US\$23.50 ke atas semua minyak mentah keluaran OPEC. Kenaikan harga minyak dan bahan petroliaam sebanyak dua kali dalam tahun ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah tersebut di atas. Kementerian saya telah mengkaji permohonan Syarikat-syarikat Minyak dengan teliti dan daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya, Kementerian saya berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah minyak di Negara ini hanya dapat di atasi dengan 2 cara, iaitu:

- (i) Menambah subsidi; atau
- (ii) Meluluskan dengan sepenuhnya permohonan kenaikan harga yang dikemukakan oleh Syarikat-syarikat Minyak. Ini bermakna para pengguna akan terpaksa menanggung bebanan dengan membayar harga lebih.

Kerajaan, dalam menimbangkan permintaan kenaikan harga ini, tidak berhasrat untuk membebaskan pengguna-pengguna dan dengan hal yang demikian Kerajaan telah mengambil satu jalan tengah di antara kedua-dua cara yang disebutkan di atas dan telah mendapati bahawa kenaikan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan adalah berpatutan dan menasabah.

Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa kenaikan harga barang-barang petroliaam tidak akan berlaku lagi. Ini adalah kerana harga minyak mentah

di pasaran dunia bergantung kepada keputusan OPEC. Apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan ialah untuk meminimakan kenaikan harga.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan ini pihak Kementerian sangat menyedari, baik dari segi pengimpotan atau pertumbuhan minyak ada tambah mencukupi dan di dalam 60 hari Kerajaan telah dua kali menaikkan harga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada golongan yang tertentu cuba mensabotaj ekonomi negara kita melalui mengadakan masalah kekurangan disel di Malaysia selama dua tahun ini.

Kedua, selama ini berapakah orang telah dihadapkan ke mahkamah kerana cuba mensabotaj ekonomi negara kita.

Ketiga, bilakah Malaysia akan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah dua soalan tambahan itu dahulu.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah makna "mensabotaj" membekalkan barang-barang petroliaam. Daripada angka-angka yang saya tunjukkan tadi bukan sahaja pengeluaran daripada negara, iaitu barang petroliaam yang diperolehi oleh refinery yang ada di Malaysia dan juga pengimpotan pun telah bertambah. Jadi saya tidak faham dan tidak sedar apa yang disebutkan "sabotaj".

Yang kedua, orang yang dibawa ke mahkamah ialah orang yang menyeleweng daripada undang-undang seperti penyeludupan dan juga penyorokan dan ini telah banyak kes dibawa ke mahkamah.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jelaslah bahawa kalam-kabut mengenai disel adalah salah satu sebabnya kerana berlakunya penyelewengan dan penyorokan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di waktu akhir-akhir ini jelas kelihatan bahawa kalam-kabut itu telah dapat diatasi sedikit sebanyak. Mengapakah tindakan begitu lambat dibuat, adakah kerana kita tidak mempunyai pegawai yang cukup ataupun arahan yang dibuat itu tidak dapat dijalankan oleh pegawai-pegawai kita.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang dikatakan keadaan kelam-kabut ini barangkali dalam masa yang mana sebenarnya ada kekurangan. Ada satu masa syarikat-syarikat minyak kurang dapat bekalan minyak mentah sebab bekalan minyak mentah daripada negara-negara di Timur Tengah pun telah dikurangkan akibat daripada kekurangan pengeluaran daripada Iran. Tetapi ini telah di atasi dengan Petronas sendiri memasukkan pasaran runcit yang mana saya katakan Petronas telah membekalkan lebih daripada 4 juta gelen sejak bulan Jun. Jadi faktor-faktor yang mana telah berlaku penyelewengan atau penyorokan ialah ada satu sebab, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat pegawai-pegawai ini tidak berapa cukup sebab tindakan yang diambil terhadap orang yang menyelewengkan mesti dibuat oleh Bahagian Penguatkuasa dan boleh dikatakan dalam dua bulan yang lepas 80% daripada tenaga Bahagian Penguatkuasa khas untuk menjalankan penyiasatan seperti itu. Saya rasa kita juga mengharapkan kerjasama dari orang ramai, orang pengguna yang mana kalau pengguna tidak mahu bayar dengan harga yang lebih atau tidak mahu beli minyak disel atau barang petroliam yang disorok atau yang tidak patut dibekalkan daripada pihak-pihak yang tertentu, masalah ini boleh di atasi.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, mengikut keterangan yang diberi tadi nampaknya negara kita hanya mengimpot disel dan kerosene cukup untuk hari ke sehari sahaja. Oleh kerana kegunaan disel ini boleh dianggarkan, tidakkah Kerajaan kita untuk mengeluarkan lebih daripada apa yang digunakan tiap-tiap hari atau Kerajaan akan bercadang untuk membuat stockpile atas kedua-dua bahan ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, jadual bekalan ditetapkan bukan pada sehari ke sehari tetapi pada setahun ke setahun. Kementerian saya telah menerima laporan daripada syarikat-syarikat minyak yang mana kita tahu pada tahun ini bekalan ada bertambah dan juga pada tahun depan apakah yang dinilai sebagai permintaan. Jadi kalau kita nampak daripada angka-angka yang saya tunjukkan tadi tambahan bekalan disel sahaja telah naik 5%. Biasanya pada tiap-tiap tahun kalau kita meninjau tahun-tahun yang lepas, tambahan atau pertumbuhan kegunaan disel cuma 8-10%, tahun ini

sudah bertambah 15% yang mana inipun tidak cukup. Jadi pada kiraan kita pertumbuhan telah naik kepada kadar atau paras 20%. Daripada angka ini kita anggap banyak disel ini telah diseludupkan. Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kalau kita hendak stockpile, terpujanglah kepada PETRONAS yang mana saya harap pada masa 2-3 tahun yang akan datang ada refinery sendiri yang boleh mengeluarkan barang-barang petroliam. Pada masa itu barangkali kita boleh fikirkan untuk mengadakan stockpile.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah kekurangan disel dalam pasaran ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan menyedari bahawa kegiatan PETRONAS di dalam pasaran disel di negara ini telah memikul beban syarikat minyak sehinggakan syarikat-syarikat minyak itu bersewang-lenang dengan mendapat untung yang lebih banyak kerana mereka lebih mudah menjalankan perniagaan petrol sahaja.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi langkah yang dibuat oleh PETRONAS ialah satu langkah pertambahan untuk menambahkan bekalan yang tidak cukup yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat minyak. Pada satu masa seperti saya katakan tadi sebenarnya bekalan minyak mentah daripada Timur Tengah ini pun telah dikurangkan. Saya pun tidak faham bagaimana keuntungan syarikat-syarikat minyak ini boleh bertambah jika PETRONAS masuk dalam pasaran runcit.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dari 1hb Oktober tahun ini satu sistem baru yang dijalankan oleh Kementerian ialah, minta izin: "Statement of Sales for Diesel"—terpaksa tiap-tiap stesyen memberikan statement. Tetapi walaupun Statement of Sales for Diesel dijalankan banyak lagi stesyen-stesyen yang tidak ada disel. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat feed-back dari sistem yang dijalankan ini. Apakah akibatnya dan sebab apa banyak lagi stesyen yang tidak ada disel.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada soalan ini sudah dijawab tadi oleh kerana ada penyeludupan dan sebagainya.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Penyata Penjualan (Statement of Sales) itu dikehendaki supaya Kementerian saya boleh menjaga bekalan dan juga jualan disel. Ini maksud sistem ini dan kalau ada kekurangan disel, ini tidak berkaitan dengan penjualan atau statement of sales. Kalau ada kekurangan disel, saya minta Ahli Yang Berhormat itu melaporkan kepada Pegawai Penguatkuasa di negeri mana berlaku dan Kementerian saya akan mengambil tindakan mengarahkan syarikat minyak membekalkan minyak yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat hendak bertanya disel ini, hari-hari. Ini yang akhir. Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahaya selepas Kerajaan mengeluarkan cara baru iaitu di mana kita mencatatkan nama pembeli-pembeli minyak disel, kita dapati bahawa pembekalan minyak disel di sebelah utara Malaysia mencukupi, tetapi yang tidak mencukupi ialah apabila kita bertolak ke selatan. Apabila saya pergi ke utara Malaysia saya dapati bahawa minyak disel cukup tetapi apabila saya pergi ke negeri Johor saya terpaksa queue $1\frac{1}{2}$ jam untuk mendapatkan disel. Jadi apakah sebabnya di utara Malaysia disel cukup tetapi di selatan Malaysia disel tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Keluang. Sila.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ada kekurangan disel di selatan. Yang saya tahu ada kekurangan pada satu tempat atau apa yang dikatakan sporadic shortages, tetapi kalau ini ada berkaitan dengan kita melancarkan sistem penyata penjualan, nampaknya kalau di utara ada berkesan saya rasa tidak lama lagi di selatan pun boleh berkesan.

PELARIAN VIETNAM

12. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan pelarian Vietnam di negara ini sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soal yang ke 12 yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Dungun nampaknya meminta saya memberi satu penyata atau menyatakan kedudukan pelarian Vietnam, bukan sebagai satu soalan. Walaupun begitu biarlah saya menjawab bahawa keadaan kita pada hari ini iaitu orang-orang pelarian yang ada di dalam negeri ialah 43,912 orang dan yang sudah kita pindahkan di dalam tahun ini sahaja daripada bulan Januari sampai hari ini 55,206 orang. Kalau kita ambil hisab daripada tahun 1975 daripada mulanya mereka datang ke sini kita sudah dapat memindahkan 75,397 orang.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, apakah rancangan yang diadakan di Geneva dalam persidangan mengenai orang-orang pelarian Vietnam. Adakah satu jadual telah dipersetujui di antara pihak Kerajaan dan negara-negara ketiga yang sedia menerima orang-orang pelarian ini dan sekiranya ada, apakah jadual penerimaan pelarian-pelarian Vietnam dari Malaysia oleh negara-negara ketiga dan apakah negara-negara yang sedia menerimanya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Semalam Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa baki pendatang haram yang ada di negara kita ialah sebanyak lebih kurang 40,200 orang tetapi sekejap tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan baki pendatang haram ialah seramai 43,312 orang. Jadi, saya ingin mengetahui di manakah datangnya 3,000 orang lebih ini.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali malam tadi tak (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semalam, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut lebih kurang sahaja. Yang sebenarnya semalam 44,022 orang. Hari ini sudah 43,912 orang. 100 lebih sudah kurang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Kaw. Soalan ini sebenarnya merupakan soalan bertulis tetapi kalau hendak laporan mana boleh mengambil masa di sini. Tetapi dengan ringkas, bolehlah Yang Berhormat Menteri menjawabnya.

MAS—RANCANGAN PENYUSUNAN SEMULA

13. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pengangkutan memberi satu laporan mengenai rancangan-rancangan luas dan kemajuan dalam penyusunan semula MAS.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum, Kerajaan bermaksud melantik firma konsultant bagi meneliti aspek yang penting dalam organisasi MAS dan perlantikan firma konsultant ini akan diumumkan dengan seberapa segera. Yang demikian setakat ini belumlah lagi dapat saya menyatakan apa-apa rancangan mengenai organisasi MAS.

SIJIL WARGANEGARA MALAYSIA—PERMOHONAN

14. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada persetujuan dan/atau penolakan bagi permohonan untuk Sijil Warganegara Malaysia ada disimpan oleh Pengarah atau di dalam pertimbangan Menteri dan sebutkan keperluan yang dikehendaki untuk meluluskan satu permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia dan berapakah permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia dalam tahun 1978 dan semenjak 1979 dan juga beri sebab-sebab bagi penolakannya dan juga berapakah banyak orang-orang Malaysia telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia semanjak 1hb Januari, 1978 dan beri sebab-sebabnya mengapa Sijil Warganegara Malaysia mereka telah ditarik balik.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memohon maaf kalau saya mengatakan soal inipun macam semalam iaitu satu soalan yang terlampau kelam-kabut. Jadi terpaksa lah saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, menarik satu persatu untuk menjawabnya. Jadi soalan Ahli Yang Berhormat dari Beruas :

(i) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada persetujuan dan/atau penolakan bagi permohonan untuk Sijil Warganegara Malaysia ada disimpan oleh Pengarah dalam bahasa Ingeris Board translationnya—di dalam pertimbangan Menteri.

(ii) sebutkan keperluan yang dikehendaki untuk meluluskan satu permohonan bagi Sijil Warganegara Malaysia.

Jadi, soal ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah semuanya terkandung dan termaktub di dalam Perlembagaan. Saya tidak payah sebutkan satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah termaktub dalam Perlembagaan, di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (n) tak payah dijawab.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang satu lagi bersambungan dengan itu :

(iii) Berapakah permohonan Sijil Warganegara Malaysia dalam tahun 1978.

Ini boleh saya jawab dari segi statistik. Jumlah permohonan warganegara yang telah diterima daripada pada 1-1-1978 sehingga Disember, 1978 ialah sebanyak 5,048 dan daripada 1-1-1979 sehingga September, 1979 ialah sebanyak 3,548. Dari jumlah permohonan tersebut seramai 873 telah ditolak dalam tahun 1978 dan 530 dalam tahun 1979. Soalan lagi satu :

(iv) dan beri sebab-sebab bagi penolakannya.

Penolak bagi permohonan itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah disebabkan pertamanya memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan. Dan yang keduanya kerana di dalam pertimbangan dan kebijaksanaan Kerajaan, pada ketika permohonan itu maka si pemohon itu tidak layak diberi penghormatan untuk menjadi warganegara. Ini terserahlah kepada kebijaksanaan Kerajaan. Soalan lagi satu lepas itu :

(v) berapa banyakkah orang-orang Malaysia yang telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysia semenjak 1hb Januari, 1978.

Jawabnya, Tuan Yang di-Pertua, daripada 1.1.78 sehingga 30.9.1978 ialah seramai 55 orang. Soalan yang akhirnya :

(vi) beri sebab-sebabnya mengapa Sijil Warganegara Malaysia mereka telah ditarik balik.

Ini adalah terikat di dalam Perlembagaan juga. Sebab-sebabnya kerana soal penarikan warganegara itu tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya melainkan mengikut peraturan di dalam Perlembagaan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa sebab-sebab bagi penolakan permohonan Sijil Warganegara Malaysia adalah kerana pemohon-pemohon tidak menunaikan beberapa syarat. Bolehkah saya mendapat satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa pihak Kementerian akan memberitahu satu-satu pemohon itu sebabnya permohonan mereka itu ditolak supaya pemohon Sijil Warganegara Malaysia boleh mengambil tindakan supaya ia dapat menunaikan syarat itu, terutama sekali permohonan-permohonan dalam Borang G. Bolehkah Yang Berhormat Menteri itu menimbang bagi memberi peluang kepada pemohon-pemohon di bawah Borang G?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya tidak ada kesanggupan untuk memberi sebab-sebab mengapa ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 15 adalah diberi di bawah ini)

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN BEKALAN

9. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Perdagangan dan Perdagangan dan Perindustrian adakah Kerajaan sedar bahawa terdapatnya kekurangan bekalan minyak diesel di negara ini pada masa sekarang, jika sedar, apakah tindakan yang telah dibuat mengenai perkara ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian saya telah menerima banyak soalan-soalan berkenaan dengan bekalan dan harga barang petroliam di Negara khususnya harga dan bekalan diesel. Pada keseluruhannya corak soalan yang dikemukakan adalah sama dan oleh hal yang demikian, saya memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan satu jawapan pada hari ini sebagai

jawapan untuk meliputi soalan-soalan yang telah diterima daripada Ahli Yang Berhormat daripada Seremban untuk soalan pada hari ini juga; Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Panti dan Grik untuk soalan-soalan pada 22.10.1979; Ahli Yang Berhormat daripada Damansara untuk soalan pada 24.10.1979; Ahli Yang Berhormat daripada Beruas untuk soalan pada 25.10.1979; Ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar untuk soalan pada 6.11.1979; Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam untuk soalan pada 8.11.1979; Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah untuk soalan pada 14.11.1979; Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas untuk soalan pada 15.11.1979; Ahli Yang Berhormat dari Baling untuk soalan pada 15.11.1979; Ahli Yang Berhormat dari Baling untuk soalan pada 22.11.1979 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat untuk soalan pada 6.12.1979.

Masalah bekalan dan harga barang-barang petroliam di Negara mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah minyak mentah di seluruh dunia. Kalau dahulu semua jenis kekurangan boleh diatasi dengan memberikan bekalan yang tidak terhad tetapi pada masa ini perkara seumpama ini tidak lagi dilakukan dengan sepenuhnya disebabkan oleh kerana kekurangan minyak mentah di seluruh dunia. Walaupun terdapat keadaan yang telah dinyatakan di atas, bekalan minyak disel di Negara telah bertambah jika perbandingan diperbuat dengan bekalan disel pada tahun 1978. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan disel di seluruh Negara bagi lapan bulan pertama tahun 1979 jika dibandingkan dengan bekalan disel lapan bulan pertama tahun 1978, telah menunjukkan pertambahan sebanyak 49,052,834 gelen yang mana ini memberikan peratusan tambahan bekalan sebanyak 14.23%. Di samping itu pengeluaran minyak disel di Negara juga telah bertambah jika dibandingkan dengan pengeluaran tahun 1978. Jumlah pertambahan pengeluaran minyak disel bagi lapan bulan pertama 1979 adalah menunjukkan angka pertambahan sebanyak 21,019,412 gelen jika dibandingkan dengan pengeluaran bagi jangkamasa yang sama dalam tahun 1978. Ini mencatatkan peratusan 8.58%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengimpotan disel di Negara bagi lapan bulan pertama 1979 telah bertambah dengan kadar sebanyak 15.8% jika dibandingkan dengan jumlah pengimpotan disel yang diperbuat bagi

lapan bulan pertama tahun 1978 dan jumlah tambahannya ialah sebanyak 15,887,454 gelen.

Walaupun ternyata nampak pertumbuhan dari segi pengeluaran dan pengimpotan tetapi disebabkan oleh permintaan Negara yang bertambah maka Negara masih lagi menghadapi kekurangan. Kerajaan di dalam usahanya untuk menentukan bahawa penggunaan disel tidak terjejas, telah membawa masuk Petronas ke dalam pasaran runcit disel. Petronas sejak bulan Jun, 1979 telah membekalkan sebanyak 4,118,817 gelen minyak disel ke pasaran Negara.

Daripada data-data di atas maka bolehlah dikatakan bahawa bekalan minyak disel di Negara yang dibekalkan oleh Syarikat-syarikat Minyak dan juga bekalan tambahan Petronas adalah mencukupi dan kekurangan-kekurangan minyak disel sepatutnya tidak akan berlaku. Mengikut pandangan Kementerian, masalah-masalah kekurangan bekalan disel di Negara ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang berikut:

- (i) rasa cemas atau "panic reaction" oleh pengguna-pengguna yang sanggup membayar harga disel dengan kadar yang mahal;
- (ii) ada pengedar-pengedar dan pembekal-pembekal yang telah mengarahkan bekalan disel kepada pihak-pihak tertentu dengan harga yang mahal padahal bekalan tersebut bukanlah dimaksudkan untuk bekalan pihak-pihak tersebut;
- (iii) terdapat pihak-pihak yang mengamalkan penyorokan minyak disel dan menjualkannya dengan harga yang lebih mahal; dan
- (iv) penyeludupan ke Negara-negara jiran di mana harga minyak disel adalah lebih tinggi daripada harga minyak disel di Negara.

Kementerian saya sedar di atas berlakunya perkara ini dan untuk menentukan bahawa bekalan barang-barang petroliaam khususnya minyak disel dibekalkan kepada semua tempat, satu peraturan mengarahkan Syarikat-syarikat Minyak mengemukakan maklumat-maklumat berkenaan dengan hantaran bekalan yang dijadualkan (pre-planned delivery) telah diadakan. Berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diterima, Kementerian saya akan dapat mengesan dan membuat pengawasan ke atas bekalan-bekalan yang diberikan. Di dalam masalah

bekalan ini Kementerian saya ingin memberi jaminan iaitu tindakan-tindakan tegas telah, sedang dan akan diambil ke atas mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan dan lain-lain aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang yang diperuntukkan. Di samping tindakan di atas, Kementerian saya telah juga membuat satu peraturan Undang-undang yang mewajibkan Kenyataan Penjualan dikeluarkan ke atas setiap penjualan minyak disel dari semua peringkat. Peraturan ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa penyelewengan tidak dilakukan oleh mana-mana pihak.

Berkenaan dengan kenaikan harga minyak dan barang-barang petroliaam, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya nyatakan bahawa kilang penapis minyak di Malaysia menapis sebanyak 130,000 tong minyak mentah sehari. Daripada angka ini 76,000 tong minyak mentah adalah minyak yang diimpot dari Timur Tengah. Harga-harga minyak yang diimpot ditetapkan oleh OPEC. Sementara itu, minyak mentah keluaran Malaysia juga adalah menurut harga di pasaran dunia. Harga "Marker Crude" OPEC pada tahun 1977 ialah US\$12.74 satu tong dan ini telah meningkat sebanyak 14% kepada US\$14.55 satu tong mulai 1hb April, 1979 dan mulai dari 1hb Julai, 1979 OPEC telah menaikkan harga asas minyak mentah sebanyak 24% kepada US\$18.00 satu tong dan juga menetapkan satu harga bumbung (ceiling price) pada harga US\$23.50 ke atas semua minyak mentah keluaran OPEC. Kenaikan harga minyak dan bahan petroliaam sebanyak dua kali dalam tahun ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah tersebut di atas. Kementerian saya telah mengkaji permohonan Syarikat-syarikat Minyak dengan teliti dan daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya, Kementerian saya berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah minyak di Negara ini hanya dapat diatasi dengan 2 cara, iaitu:

- (i) Menambah subsidi; atau
- (ii) Meluluskan dengan sepenuhnya permohonan kenaikan harga yang dikemukakan oleh Syarikat-syarikat Minyak. Ini bermakna para pengguna akan terpaksa menanggung beban dengan membayar harga lebih.

Kerajaan, dalam menimbangkan permintaan kenaikan harga ini, tidak berhasrat untuk membebaskan pengguna-pengguna dan dengan hal yang demikian Kerajaan

telah mengambil satu jalan tengah di antara kedua-dua cara yang disebutkan di atas dan telah mendapati bahawa kenaikan harga yang disebutkan di atas dan telah mendapati bahawa kenaikan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan adalah berpatutan dan menasabah.

Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa kenaikan harga barang-barang petroliaam tidak akan berlaku lagi. Ini adalah kerana harga minyak mentah di pasaran dunia bergantung kepada keputusan OPEC. Apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan ialah untuk menimbangkan kenaikan harga.

HARI PERPADUAN IRAN/OKTOBER REVOLUTION

15. Wan Mohd. Najib b'n Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau sedar bahawa ada segolongan rakyat Malaysia yang dilahirkan dalam negara ini, tetapi suka membesar-besar, mengagong-agong dan seterusnya merayakan serta memuji-muji Hari Kelahiran dan Kebebasan sebuah negara lain seperti "Hari Perpaduan Iran" dan "Oktober Revolution". Jika sedar perkara ini berlaku, apakah Kerajaan ber-setuju atau membenarkan golongan rakyat Malaysia seperti ini merayakan hari dan kebebasan negara lain seperti ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):

Setakat yang diketahui tidak ada Hari Perpaduan Iran dan "Oktober Revolution" dirayakan oleh rakyat Malaysia. Begitu juga dengan perayaan lain-lain, tidaklah dirayakan secara terbuka oleh mana-mana pihak.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PER- ATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini apabila tamat mesyuarat hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, 18hb Oktober, 1979.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui, Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini apabila tamat mesyuarat hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, 18hb Oktober, 1979.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyentuh secara kasar dalam dua perkara.

Pertama, dalam soal peperiksaan ini adalah soal keutuhan (integrity).

Soal kedua, adalah soal keselamatan.

Mengenai soal keutuhan (integrity) telah pun saya sentuh dengan panjang lebar, cuma dari segi keselamatan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran kerana telah mengambil kira banyak perkara untuk menjamin keselamatan dalam soal peperiksaan ini sehinggakan terdapat beberapa fasal di dalam Rang Undang-undang yang ada dihadapan kita ini, misalnya, kita dapati daripada Fasal-fasal 25, 26 dan seterusnya sampai kepada Fasal-fasal 29 dan 30. Jadi, saya rasa dengan adanya fasal-fasal berkenaan soal keselamatan peperiksaan ini tidak begitu berbangkit lagi, cuma kalau timbul pada masa akan datang satu-satu perkara yang di luar ataupun belum lagi timbul setakat ini daripada pendapat atau fikiran pihak yang bertanggungjawab yang menggubal Rang Undang-undang ini, saya yakin dan percaya pihak Menteri yang berkenaan akan cuba mengatasinya sesuai dengan keadaan pada masa tersebut.

Perkara seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh secara kasar mengenai Fasal 31. Perkara 31 (a) berbunyi:

31: Majlis, boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah—

Saya hendak tujukan kepada (a) sahaja:

(a) menetapkan sukatan pelajaran sesuatu peperiksaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa soal peperiksaan ini bukannya mempunyai matlamat kepada pencapaian ataupun penerimaan sesuatu sijil yang berkenaan sahaja, tetapi ianya merangkumi matlamat-matlamat yang lain atupun aspirasi negara keseluruhannya. Maka dengan kuasa Fasal 31 (a) ini, saya berharaplah supaya sesuatu sukatan pelajaran yang akan digubal oleh pihak Majlis Peperiksaan ini hendaklah diambil kira pertama sekali segala soal yang ada hubungan dengan aspirasi negara. Yang kedua soal-soal yang boleh menui kepada suatu tujuan untuk memupuk suatu warganegara yang bertanggungjawab dan mewujudkan suatu bangsa yang bersatu-padu di kalangan berbagai rakyat Malaysia yang ada hari ini.

Di samping itu, saya percaya ada lagi matapelajaran yang lain yang belumpun wujud pada hari ini untuk dijadikan matapelajaran peperiksaan yang boleh disesuaikan dengan kehendak dan keperluan negara seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh di dalam kuasa-kuasa Majlis ini iaitu mengenai Jadual Peperiksaan, Beberapa tahun yang lalu kita dengar rungutan bahawa terdapat Jadual Peperiksaan terjatuh kepada hari-hari perayaan. Saya tidak pasti sama ada Hari Raya Haji atau Hari Raya Puasa, tetapi dalam masalah ini perkara yang pokok yang saya hendak kemukakan pada hari ini ialah di dalam Majlis ini merangka Jadual Peperiksaan, maka hendaklah kita lari daripada hari-hari perayaan tersebut.

Walaupun saya sedar bahawa untuk menentukan atau menetapkan Hari Raya Puasa atau Hari Raya Haji setahun lebih awal pada menentukan tarikh dan harinya amatlah sukar kerana amalan negara ini menentukannya melalui melihat anak bulan, namun demikian ada satu jalan keluar yang

dapat iaitu kita melonggarkan sebanyak tiga hari di sekitar hari-hari tersebut yakni sehari pada tarikh yang dijadualkan dikosongkan daripada jadual tersebut dan juga sehari selepas daripada hari yang dijadualkan hari raya itu dikosongkan juga. Jadi dengan cara melonggar sehari sebelum dan melonggar sehari kemudian, saya yakin perkara ini dapat diatasi.

Dalam masalah jadual peperiksaan ini juga saya berharap supaya diambil kira soal hari Jumaat. Bagi kita orang-orang Islam tentulah kita semua sedia maklum kepentingan hari Jumaat, namun demikian saya tidak hendak mencadangkan supaya hari Jumaat ini dikecualikan langsung daripada jadual peperiksaan, tetapi pada hari Jumaat hendaknya janganlah jadual itu di sebelah pagi berakhir selepas 11.30 pagi. Ini ada sebab-sebabnya. Begitu juga pada sebelah petang jangan kita mula se belum pukul 3.00 petang. Saya kata pada pukul 11.30 pagi ini tidak semestinya apabila bunyi loceng 11.30 pagi maka peperiksaan itu tamat pada segi amalan dan begitu juga tidak semestinya bila jam menandakan pukul 11.30 pagi semua orang-orang berkenaan dengan peperiksaan itu lepas daripada tugasnya. Apatah lagi kalau kertas peperiksaan itu kertas lukisan yang menggunakan painting dan sebagainya. Ini memerlukan masa tambahan setengah jam atau satu jam selepas masa resmi tamat kerana perlu dikeringkan kertas-kertas yang berkenaan. Jadi daripada 11.30 sampai 12.30 ini patutlah kelonggarannya diberikan kepada calon-calon. Begitu juga kita hendaklah memulakan daripada jam 3.00 petang, tidak 2.30 petang kerana tiap-tiap calon adalah diwajibkan hadir sekurang-kurangnya setengah jam lebih awal daripada masa yang ditentukan dan untuk lebih selamat lebih awal siapa tahu ada gangguan atau sebagainya di jalan supaya peperiksaan dapat dijalankan dan fardhu Jumaat dapat dijalankan. Keduanya kita mahu. Soal peperiksaan dan soal sembahyang Jumaat adalah sama beratnya pada kita orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit mengenai mereka yang tidak puashati dengan keputusan peperiksaan. Saya tidak pasti sama ada terdapat di dalam Rang Undang-undang ini peruntukan-peruntukan yang tertentu kepada calon-calon atau sesiapa bagi pihak calon yang tidak puashati dengan keputusan-keputusan peperiksaan, sama ada dari segi pemeriksaan atau sebagainya. Jadi

kalaulah anggapan saya betul saya harap supaya perkara ini dapat kita sifatkan terkandung dengan sendirinya di bawah Perkara 31 (h) yang berbunyi:

“amnya bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.” Ertinya ini adalah satu peruntukan am. Ini adalah satu perkara yang penting kerana kalau sekiranya timbul soal-soal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam, maka kita berilah peluang kepada orang yang berkenaan supaya membuat rayuan-rayuan atau membuat bantahan-bantahan yang tertentu. Tetapi dalam hal ini saya ingin mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya tiap-tiap rayuan atau bantahan ini janganlah diberi dengan deposit yang murah. Tentang berapa harga yang sebenarnya terpulang kepada pihak yang berkenaan, yang saya pentingkan di sini kita jangan memberi setiap manusia-setiap Tom, Dick dan Harry mengambil peluang untuk menguji keutuhan dan keselamatan Majlis Peperiksaan yang kita wujudkan ini.

Selain daripada itu saya perhatikan kepada Jadual Pertama (Seksyen 2) Peperiksaan-peperiksaan Tertentu, iaitu seolah-olah kalau saya difahamkan betul, Majlis Peperiksaan ini hanya terhad kepada Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (HSC) sahaja. Kalau anggapan saya betul, saya berharap supaya dimasukkan (incorporate) semua peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan oleh Kementerian pada hari ini. Misalnya, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia dan sebarang peperiksaan yang mungkin wujud dan mungkin timbul lagi selepas daripada ini yang menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Pelajaran.

Seterusnya saya hendak juga menyentuh tentang satu perenggan iaitu bagi mereka yang masih lagi merasakan perlu mendapat naungan daripada keputusan peperiksaan daripada luar negeri. Saya merasa sangat sukacita kerana pihak Menteri semalam melalui Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan kepada mereka yang hendak mengambil peperiksaan luar negeri, misalnya, GCE 'A' level atau GCE 'O' level. Saya tak tahu sama ada kedua-dua sekali atau hanya A level. Walau bagaimanapun, oleh sebab GCE 'A' level dapat dianggap setaraf dengan HSC/STP yang kita akan wujudkan di bawah Majlis Peperiksaan Malaysia ini, saya harap

supaya kebenaran-kebenaran yang tertentu yang dimaksudkan sebagai mengikut syarat-syarat tertentu ini hanya benar-benar mengikut syarat-syarat keperluan yang benar-benar perlu dan penting bagi calon-calon yang berkenaan dan jangan dibenarkan sebarangan.

Akhirnya, saya hendak menyentuh mengenai secara kasar istilah-istilah yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini. Saya dapati bahawa di dalam penerangan atau tafsiran terdapat Ketua Pegawai Pelajaran dan juga Pengawal Peperiksaan. Boleh jadi kerana Yang Berhormat Menteri memikirkan ini adalah mengikut Akta Pelajaran Tahun 1961 kerana dalam Akta Pelajaran 1961 saya dapati istilah-istilah ini masih lagi wujud, walaupun pada hari ini Ketua Pegawai Pelajaran yang kita maksudkan lima enam tahun dahulu telah dipanggil sebagai Pengarah Pelajaran Negeri dan Pengawal Peperiksaan (Controller of Examinations) dahulu, sekarang kita telah namakan Pengarah Peperiksaan. Tetapi di dalam satu bab lain pula saya dapat menggunakan istilah Ketua Pengarah Pelajaran. Jadi ini adalah satu perkara yang betul kerana Ketua Pengarah Pelajaran ini adalah satu istilah yang dipakai pada hari ini walaupun pada masa dahulu kita memakai istilah Ketua Penasihat Pelajaran. Jadi, saya harap supaya pihak Menteri berkenaan selaraskan perkara ini dan jika perlu nama-nama ini kita pinda daripada Akta Pelajaran 1961 daripada Ketua Pegawai Pelajaran dijadikan Pengarah Pelajaran dan Pengawal Peperiksaan dijadikan Pengarah Peperiksaan. Saya rasa eloklah pihak Menteri berkenaan mengemukakan pindaan-pindaan tersebut.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit sahaja lagi iaitu saya hendak sambung apa yang saya sebutkan semalam iaitu kalau mengingatkan seseorang mempersoalkan tentang cara-cara memberi markah peperiksaan kepada bumiputra dan bukan bumiputra, maka seolah-olah terfikir kepada saya bahawa kalau sekiranya dianggapkan bahawa markah yang diberikan kepada calon-calon bumiputra itu lebih longgar daripada markah yang diberikan kepada calon-calon bukan bumiputra, maka ini membawa anggapan kepada saya orang yang tersebut seolah-olah tidak mengakui bahawa calon-calon bumiputra tidak berkelayakan untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam segi peperiksaan.

Ini juga boleh menampakkkan juga kepada kita bahawa orang yang berkenaan yakni Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mengiktiraf sijil-sijil yang diberikan kepada bumiputra setakat hari ini. Saya harap kalau inilah yang dimaksudkan oleh Ahli yang berkenaan, maka ini adalah satu perkara yang paling mendukacitakan dalam sejarah pelajaran negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

3.15 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun pada petang ini untuk membahaskan dan memberikan pandangan serba sedikit berhubung dengan Rang Undang-undang untuk menubuhkan satu Majlis yang dinamakan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Sebelum itu inginlah saya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Menteri dan Kementerian Pelajaran yang telah mengambil tindakan yang begitu tegas dan positif sehingga dapat menggubal satu Rang Undang-undang bagi mewujudkan satu badan yang sekian lama menjadi hasrat kita lebih-lebih lagi setelah negara kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah sesuai dan selaras dengan kehendak dan maksud Dasar Pelajaran Kebangsaan kita di mana mengikut matlamatnya dalam jangka tahun 1982 mulai tahun itu semua peperiksaan di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan akan menggunakan Bahasa Malaysia. Penubuhan Majlis ini juga adalah sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru bagi menentukan bukan sahaja kita dapat memerdekakan negara kita dari belunggu penjajah dari segi politik tetapi lebih penting dan perlu bagi menentukan kita khasnya warganegara dan pemimpin-pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat dapat mengisi kemerdekaan itu dan melepaskan diri dari sistem negara kita yang masih bergantung kepada negara penjajah khususnya British dengan mengambil tindakan-tindakan dan mengikut strategi-strategi yang akan memberi kesan ke arah kemerdekaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada mulanya saya telah menganggap dan menganggarkan bahawa apabila Yang Berhormat

Menteri Pelajaran membentangkan Rang Undang-undang ini peluang yang baik mungkin akan digunakan oleh pihak parti Pembangkang khususnya DAP untuk sekali lagi menyuarakan pandangan-pandangan mereka dan juga pendapat-pendapat mereka dan di samping itu menyuarakan keraguan mereka terhadap kebolehan dan keupayaan Kerajaan bagi melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyuarakan beberapa pandangan dan pendapat yang saya anggap satu statement yang agak melulu. Pertamanya Ahli Yang Berhormat itu telah mengatakan bahawa sijil-sijil dan taraf-taraf sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian khasnya Kementerian Pelajaran dengan peperiksaan-peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian menimbulkan keraguan khasnya bukan sahaja di kalangan rakyat negara ini tetapi juga katanya keraguan itu timbul di kalangan masyarakat luar, dunia luar di atas keutuhan dan juga nilai-nilai sijil yang dikeluarkan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan sebagaimana yang telah diulas oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah semalam dan hari ini, yang mengatakan bahawa terdapat diskriminasi di dalam pemberian markah yang dijalankan oleh badan-badan ataupun Majlis-majlis Peperiksaan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan ini saya anggap adalah pandangan yang peribadi tetapi walaupun begitu pihak Ahli Yang Berhormat itu mungkin telah membuat kesilapan dan membuat satu pandangan dan statement yang melulu dengan tidak memberikan asas-asas dan bukti-bukti yang nyata untuk memperkuatkan tuduhan-tuduhannya. Sebagaimana yang kita ketahui semenjak negara kita mencapai kemerdekaan dan bertambahnya bilangan penuntut-penuntut yang mendapat kelulusan dengan peperiksaan-peperiksaan yang dianjurkan oleh Kerajaan kita pada hari ini bukan setakat mereka ini telah dapat keluar menjadi warganegara yang amat berguna kepada negara menduduki jawatan-jawatan yang penting bahkan menjadi pemimpin-pemimpin dalam negara ini, bahkan dengan jelas daripada keputusan-keputusan peperiksaan yang kita ketahui daripada institusi dan universiti-universiti luar negeri penuntut-penuntut di dalam negara kita sebahagian

besarnya mencapai keputusan yang amat baik bahkan ada daripada mereka itu yang mendapat kelulusan yang terbaik di kalangan penuntut-penuntut luar negeri.

Satu bukti yang nyata dan satu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah tidak lain dan tidak bukan disebabkan bahawa sistem dan dasar yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan bukan sahaja bertujuan untuk melengkapkan diri warganegara-nya dengan ilmu pengetahuan asasi tetapi juga telah dapat menyesuaikan sistem ini dengan kehendak-kehendak di dalam dan di luar negeri. Jadi, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah satu pandangan yang tidak tepat bahkan satu statement yang melulu yang saya anggap tidak sesuai bahkan saya anggap adalah bertentangan sekali dengan semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Menteri juga telah menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini semalam suatu perkara yang akan menarik perhatian rakyat dengan tertubuhnya Majlis Peperiksaan Malaysia ini ialah dari segi pengiktirafan (recognition) sijil-sijil dan keputusan-keputusan yang akan dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Kita amat sukacita bahawa di dalam penggubalan Rang Undang-undang ini pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian khususnya telah mengambil perkiraan pertamanya tentang soal keselamatan (security) dan keduanya keutuhan (integrity) di dalam sistem penggubalan dan juga apa yang telah dimaklumkan kepada kita semalam bahawa sebelum Rang Undang-undang ini digubal pihak Kementerian telah dapat mengambil contoh-contoh yang terbaik daripada negara-negara dan juga Majlis-majlis Peperiksaan di dalam dan di luar negeri sebelum Rang Undang-undang ini digubal.

Soal pengiktirafan terhadap sijil-sijil yang akan dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia memanglah suatu perkara yang amat penting. Amat penting lagi bahawa sijil-sijil yang akan dikeluarkan ini akan dapat diiktiraf oleh institusi-institusi di dalam negeri dan juga tidak kurang pentingnya institusi-institusi pelajaran dan juga luar negeri. Di dalam hal ini saya ingin menekankan bahawa mengikut apa yang telahpun dimaklumkan kepada kita dan peruntukan-peruntukan yang telahpun dibuat di bawah

Rang Undang-undang ini, saya pasti yakin, bahawa segala keputusan dan segala sijil-sijil yang akan dikeluarkan oleh Majlis ini adalah sijil yang benar-benar menunjukkan nilai yang dapat diterima oleh semua golongan dan lapisan masyarakat kita.

Di dalam hal ini kita ingin menegaskan bahawa sekiranya perkara ini adalah benar dan kita telah dapat menubuhkan satu Majlis yang mempunyai integritinya sendiri, maka tidaklah perlu timbul di kalangan sektor swasta mempersoalkan tentang nilai sijil ini dan mungkin dengan sebab itu menimbulkan kesulitan di kalangan sebahagian daripada penuntut-penuntut kita yang telah memiliki sijil-sijil ini untuk memasuki ataupun untuk melanjutkan pelajaran mereka melalui institusi yang dikelolakan oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini khasnya berhubung dengan Seksyen 7 (1) (a) yang menyebutkan di antara tugas-tugas Majlis ini ialah menyediakan dan menyenaraikan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan. Saya mengambil perhatian bahawa oleh sebab mereka yang menganggotai Majlis Peperiksaan Malaysia ini adalah terdiri daripada orang-orang yang benar-benar layak di dalam bidang pelajaran dan pendidikan dan juga oleh sebab kaitannya begitu rapat dengan institusi-institusi dan universiti-universiti tempatan dan luar negeri maka saya ingin mencadangkan supaya pihak Majlis ini mengkaji di atas soal sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan yang sedang dijalankan sekarang ini sama ada sukatan pelajaran itu masih sesuai ataupun ada mata-mata pelajaran yang lain yang perlu ditawarkan kepada penuntut-penuntut yang ingin mengambil peperiksaan ini terutama soal-soal dan khususnya mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang-bidang profesional dan dalam hal ini mungkin sudah sampai masanya pihak Kementerian dan khususnya Majlis ini menimbangkan bagi menambahkan mata-mata pelajaran yang lebih khusus (specific subjects) yang bukan sahaja dapat memberi faedah kepada penuntut-penuntut dalam melanjutkan pelajaran di institusi tempatan dan luar negeri tetapi juga akan memberi faedah dari segi menambahkan kebolehan dan keupayaan mereka sekiranya mereka ini ingin keluar dan memasuki bidang-bidang pekerjaan yang tertentu.

Umpamanya pihak Kementerian khasnya melalui Majlis ini mungkin dapat menimbalangkan mengadakan kursus-kursus yang lebih professional di dalam bidang perakaunan, statistics atau mata-mata pelajaran yang lebih spesifik yang tertentu yang dapat memberi faedah terus kepada penuntut-penuntut ini dan tidak hanya menumpukan kepada mata-mata pelajaran yang lebih umum.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh dalam Seksyen 21 iaitu berhubung dengan kuasa-kuasa Menteri. Saya yakin perkara ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, tetapi apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam seolah-olah mempersoalkan kewibawaan Menteri yang telahpun diberikan tugas dan tanggungjawab bagi melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Sebagaimana yang telahpun diperuntukkan dalam Bahagian V Am 21 yang memberi kuasa kepada Menteri dari satu masa ke satu masa memberi arahan kepada Majlis ini dan tidaklah saya percaya bermakna di sini bahawa Yang Berhormat Menteri akan menggunakan kuasanya secara otonomi untuk menguasai perjalanan Majlis ini, bahkan mengikut peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah Akta ini Majlis ini mempunyai kuasa untuk menentukan perjalanan dan perkara-perkara yang difikirkan perlu untuk memperbaiki sistem dan dasar pelajaran yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan Majlis Peperiksaan Malaysia dengan badan-badan profesional luar negeri adalah amat penting. Kita diberitahu semalam bahawa Rang Undang-undang ini telah digubal dengan mengambil perhatian perkara-perkara terbaik didapati daripada negara-negara luar tetapi sekiranya Majlis ini telah ditubuhkan dan telahpun menjalankan tugas-tugasnya, kita tidak dapat menafikan bahawa daripada setiap masa Majlis ini juga harus membuat perhubungan terus dengan badan-badan dan institusi pelajaran luar negeri supaya segala apa yang akan dijalankan oleh Majlis ini nanti akan dapat disesuaikan bukan sahaja dengan kehendak negara bahkan dengan apa yang berlaku di sekitar dan dunia luar kita.

Dalam hal ini saya sukacita melihat di dalam Rang Undang-undang ini khasnya di dalam perkara 7 (4) yang ada menyebutkan

iaitu "Pada menjalankan tugasnya Majlis hendaklah sentiasa mengambil perhatian tentang betapa mustahak dan perlunya menjaga standard-standard sepatutnya bagi peperiksaan-peperiksaan tertentu". Saya percaya selepas daripada Majlis Peperiksaan Malaysia ini ditubuhkan dan akan diwartakan tarikh permulaan bila sesuatu peperiksaan itu akan dijalankan, saya hanya ingin memberikan satu pandangan di dalam soal peralihan tugas yang akan dijalankan oleh Majlis Peperiksaan ini mengambil alih daripada tugas-tugas yang dijalankan oleh Cambridge Examination Syndicate mungkin akan berlaku kesulitan atau perkara-perkara yang belum dapat dijalankan dengan licin tetapi di dalam hal ini perlulah Majlis mengambil perkiraan bahawa sekiranya sesuatu peperiksaan itu akan dijalankan kita berharap percubaan ini tidak akan melibatkan murid-murid atau penuntut-penuntut itu dijadikan guinea-pig atau sebagai bahan percubaan pada tahun pertama. Oleh sebab kita yakin dalam usaha untuk menjalankan tugas-tugasnya Majlis mungkin dalam tahun pertama akan menghadapi sedikit masalah. Tetapi walaupun begitu kita berharap segala apa yang akan dijalankan dan peperiksaan dan peraturan-peraturan yang akan dibuat tidak akan melibatkan murid-murid atau penuntut-penuntut itu dijadikan guinea-pig. Umpamanya dibuat percubaan dan selepas itu akan dipinda balik dan ini sekiranya berlaku akan memberi kesan yang kurang baik terhadap penuntut-penuntut atau murid-murid berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal mengadakan satu peperiksaan yang standard juga adalah penting dan juga untuk menentukan mutu peperiksaan itu juga penting. Kita tidak mahu penuntut-penuntut di Tingkatan VI umpamanya terpaksa diberitahu di atas perubahan-perubahan cara-cara peperiksaan dijalankan, perubahan-perubahan yang berkaitan dengan sukatan-sukatan pelajaran yang kerap dilakukan. Sebab sekiranya ini berlaku mungkin murid-murid dan penuntut-penuntut yang berkenaan tidak dapat mengikuti pelajaran mereka dengan cara yang tekun. Perubahan dasar dan perubahan sistem yang kerap berlaku akan membawa akibat yang kurang sihat terhadap murid-murid terhadap penuntut-penuntut khasnya kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di bidang-bidang tertentu di peringkat institusi-institusi pelajaran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja pandangan yang dapat saya berikan dan sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan umumnya kepada Kementerian Pelajaran yang telah dapat mengambil langkah yang begitu baik, satu tindakan peralihan daripada dasar penjajahan kepada dasar negara kita sendiri dan melaksanakan satu perkara yang sesuai dengan semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan.

4.10 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah berdiri di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan suatu Bill bagi menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia. Tetapi bukan sahaja saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas usahanya bagi menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia tetapi cara beliau membentangkan Bill ini di dalam Dewan.

Saya amat tertarik hati di atas cara beliau membentangkan Bill ini dengan begitu terang dan jelas dengan mengupas satu persatu fasal demi fasal sehinggakan begitu jelas sekali bagi saya dapat membayangkan dan memikirkan di atas apa yang akan berlaku sekiranya Bill ini dan saya percaya Bill ini akan diluluskan oleh Dewan. Tetapi bukanlah taraf saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk memuji Yang Berhormat Menteri tetapi sekadar untuk memberi komen sepintas lalu.

Saya berdiri di sini bukan untuk tujuan memuji Yang Berhormat Menteri tetapi sebenarnya berdiri di sini untuk membuat satu komen yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tetapi oleh kerana saya sudah berdiri maka saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas cara beliau menyampaikan Bill ini dan saya sungguh berharap ini menjadi satu contoh yang begitu baik cara-cara menyampaikan sesuatu Bill di dalam Dewan ini.

Berbalik kepada tujuan asal saya berdiri di sini iaitu untuk memberi sebuah komen kepada ucapan yang dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bekali-kali menyatakan bahawa beliau berucap atas nama DAP, parti DAP. Beliau

semasa membuat ucapan itu bukan berucap di atas nama beliau sebagai wakil rakyat mewakili Kota Melaka tetapi menyatakan bahawa beliau berucap bagi pihak DAP maka kerana itulah ucapan beliau itu begitu penting. Begitu penting kepada saya kerana beliau mewakili parti DAP dan memberi pandangan rasmi terhadap parti DAP ke atas Bill ini.

Tuan Speaker, beliau telah menyatakan dan beliau telah memohon supaya peruntukan Seksyen 26 dimansuhkan.

"26. Tiada seorangpun adalah berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon dalam sesuatu peperiksaan tertentu, dan tiada satupun mahkamah boleh memaksa Majlis atau mana-mana ahli, pegawai atau penjawatannya membuat apa-apa penzahiran seumpama itu kepada mana-mana orang".

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atas nama DAP meminta supaya Seksyen itu dimansuhkan dan digugurkan. Bermaksud sekiranya Seksyen 26 itu digugurkan bermakna sesiapa pun berhak meminta supaya markah yang didapati ataupun skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon boleh diminta. Calon itu berhak meminta skripnya, meminta penzahiran markah yang didapatinya.

Sekiranya kalau ada 40,000 orang yang mengambil peperiksaan bermakna tiap-tiap 40,000 orang itu berhak memohon penzahiran markah ataupun skrip jawapannya. Dan tiap-tiap orang sekiranya tidak puas hati dan saya percaya manusia ini memang tidak puas hati lebih-lebih lagi mereka yang mungkin markahnya rendah, mengatakan: "Oh! markah saya tidak sepatutnya sebanyak ini, hendak lebih lagi." Kalau 30,000 orang yang memohon sedemikian, dan 30,000 orang yang tidak puas hati, apa akan berlaku kepada sistem kita? Sudah pasti suatu kacau-bilau akan berlaku. Bukan itu sahaja sekiranya tidak ada Fasal 26 ini maka seseorang berhak pula memaksa Majlis atau mana-mana ahli, pegawai dan penjawatnya membuat apa-apa penzahiran seumpama itu kepada mahkamah, iaitu suatu calon boleh pergi ke mahkamah dan sekiranya mahkamah bersetuju, mahkamah boleh memerintah Majlis menzahirkan skrip jawapannya atau pun markahnya itu. Maka sekali lagi apa yang saya nyatakan tadi akan berlaku, maka tidak ada satu

finality, suatu keputusan muktamat di dalam keputusan peperiksaan kita, dan sudah pasti Majlis yang kita tubuh ini akan gagal.

Jadi mengapakah parti DAP tidak mahu kepada Fasal 26 ini, mengapa? Sebabnya satu sahaja, yang mana terkandung di dalam ucapan beliau sendiri iaitu beliau menaruh perasangka, menaruh syak wasangka bahawa selama ini dan juga di masa yang akan datang melalui Majlis ini suatu diskriminasi sudah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku. Suatu diskriminasi iaitu lebih tepat lagi saya nyatakan di sini sekiranya calon itu terdiri daripada bumiputra maka dia akan mendapat markah yang lebih dan sekiranya calon itu bukan bumiputra maka markahnya akan rendah. Inilah prasangka dan tuduhan yang telah dinyatakan oleh parti DAP melalui Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Apakah selama ini calon-calon bumiputra yang mendapat 7A, 8A, mendapat gred satu di dalam peperiksaan-peperiksaan mereka samada peperiksaan itu di luar negeri ataupun dalam negeri, apakah mereka ini tidak layak? Apakah mereka ini mendapat markah tinggi, mendapat 7A-8A mendapat gred satu, kerana tipu helah oleh mereka yang memeriksa kertas-kertas mereka itu. Adakah mereka mendapat 7A, 8A kerana mereka bumiputra, tidak kerana kecekapan dan kebolehan calon-calon itu? Maka inilah tuduhan yang jahat, tuduhan yang chauvinist, tuduhan yang racialist, yang telah dibuat oleh parti DAP melalui Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tidak mahu menerima kenyataan dan hakikat bahawa orang-orang dan ahli-ahli bumiputra mempunyai kecerdasan akal, boleh mendapat 7A, boleh mendapat 8A bukan secara diskriminasi kerana atas kebolehan dan kecekapan mereka sendiri melalui kegigihan mereka belajar, melalui asuhan yang diberi oleh guru-guru dan melalui akal yang diberi oleh Allah s.w.t. kepada mereka.

Mereka mendapat 7A, 8A mendapat gred satu yang selama ini kita lihat bukan kerana diskriminasi tetapi adalah kerana kebolehan mereka sendiri. Tetapi perkara ini dinafikan oleh parti DAP. Parti DAP menyatakan "Oh! ini tidak. Mustahil! Calon bumiputra boleh dapat 7A-8A. Mustahil bumiputra boleh mendapat gred satu. Kalau mereka dapat gred satu, ini sebab tipu helah. Kalau seseorang calon bumiputra boleh mendapat

6A, ini tipu helah dari segi mereka yang menilai markah. Kerana itu mereka hendakkan penzahiran script, penzahiran markah, dan mereka tidak percaya bahawa seorang bumiputra itu boleh mendapat Grade I, boleh mendapat 7A, boleh mendapat 8A, boleh mendapat 7, 8 atau berapa A di dalam matapelajaran mereka sepertimana kita lihat pada hari ini.

Bermakna, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya si Ahmad dapat 8A di dalam peperiksaannya maka satu orang boleh pergi ke mahkamah menuntut supaya script si Ahmad tadi dizahirkan, menuntut supaya markah tadi dizahirkan macam mana dia boleh dapat 8A, macam mana si Ahmad boleh dapat Grade I, macam mana si Ahmad dapat 4 principal umpamanya, mereka hendak kaji, kerana itulah mereka hendakkan penzahiran script dan bilangan markahnya kerana mereka tidak percaya sekiranya berlaku seseorang bumiputra boleh mendapat Grade I atau markah yang tinggi. Ini adalah satu pendapat dan pandangan yang boleh lahir semata-mata daripada sebuah parti politik yang chauvinist, yang racialist dan perkauman.

Parti DAP nampaknya tidak dapat melihat apa juga issue kecuali melalui perkauman dan bangsa. Apa juga issue, apa juga yang dibincangkan, mereka melihat melalui kacamata perkauman dan racialist dan chauvinist mereka. Mereka tidak boleh melihat secara objektif dan rasional, mesti melalui chauvinisma (chauvinism) mereka, mesti melalui rasialisma (racialism) mereka, mesti melalui perkauman mereka. Nasib baiklah, syukur kepada Allah s.w.t. Parti DAP ini tidak memerintah. Kalau mereka memerintah agaknya semua akan dilihat melalui racialist perkauman dan chauvinisma perkauman mereka. Kalau mereka memerintah agaknya mungkin kalau Mokhtar Dahari mewakili Malaysia dalam bolasepak, mereka mengatakan Mokhtar Dahari mewakili Malaysia kerana dia bumiputra. Kalau Parti DAP hari ini memerintah mungkin mereka mengatakan kalau Rabuan Pit merangkul pingat emas di SEA Games di Jakarta, baharu-baharu ini beliau dapat pingat emas kerana dia bumiputra. Kalau Parti DAP memerintah hari ini, mungkin mereka akan menyatakan Samah Ali yang dapat pingat emas di dalam acara angkat berat di Sukan SEA di Jakarta baharu-baharu

ini beliau dapat pingat emas kerana dia bumiputra maka mereka juga akan mendesak mahkamah untuk menzahirkan, minta semua hakim-hakim yang telah memberi pingat emas sama ada kepada Rabuan Pitkah, sama ada kepada Samah Alikah, semua mereka akan menzahirkan markah-markah mereka dan mereka akan dipaksa untuk memberi jawapan bagaimana Rabuan Pit dan Samah Ali merangkum pingat emas di dalam sukan mereka masing-masing. Kerana itu juga, kerana kacamata mereka yang chauvinist dan perkauman itu juga mereka minta supaya satu lagi fasal dimansuhkan iaitu Fasal 21 (1) yang mana menyatakan:

“Majlis adalah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada Majlis arahan-arahan secara am”

Seksyen itu juga mereka hendak mansuhkan. Tetapi mereka tidak membaca dengan sepenuhnya seksyen itu. Saya suka meneruskan apa yang telah saya bacakan tadi:

“21. (1) Majlis adalah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada Majlis arahan-arahan secara am yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini,”

Ada sekatanannya iaitu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak boleh memberi arahan yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini. Yang Berhormat Menteri cuma boleh memberi arahan-arahan secara am yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, yang itu mereka tidak baca. Perkataan-perkataan “yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini”, tidak diberi pertimbangan sama sekali padahal itulah yang penting kerana kuasa arahan Yang Berhormat Menteri di bawah Fasal 21 (1) bukanlah satu arahan yang tidak terhad, arahan itu adalah terhad. Terhad kepada arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta itu. Tetapi sekali lagi oleh kerana Parti DAP ini begitu chauvinist, begitu racialist, begitu perkauman, mereka tidak nampak sekatan itu. Yang mereka nampak ialah Yang Berhormat Menteri ini keturunannya daripada bumiputra maka mereka ingat Yang Berhormat Menteri akan mengeluarkan arahan-arahan kepada Majlis bahawa semua bumiputra

yang mengambil peperiksaan hendaklah diberi markah tinggi-tinggi. Itu maksud mereka.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran menggunakan kuasa arahnya di bawah Seksyen 21, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengeluarkan arahan supaya Majlis Peperiksaan Malaysia mesti juga racialist sebagaimana Parti DAP iaitu memberi nilai-nilai markah yang istimewa sekiranya calon-calon itu terdiri daripada bumiputra.

Jawapan saya, tidak boleh sama sekali. Kalau pun Yang Berhormat Menteri hendak membuatnya, saya tidak fikir Yang Berhormat Menteri kita boleh beri arahan seperti ini, mustahil. Tetapi kita ambillah teori sekiranya untuk kita berbincang, sekiranya Yang Berhormat Menteri membuat arahan am seperti itu maka arahan itu adalah berlawanan sama sekali dengan Akta ini, maka tidak boleh dilakukan.

Tetapi sekali lagi Parti DAP tidak boleh melihat secara objektif, tidak boleh melihat secara rasional kerana mereka diselubungi dengan satu semangat perkauman yang begitu tebal yang tidak boleh ditembusi oleh objectivity, yang tidak boleh ditembusi oleh pemikiran yang rasional, yang teratur dan berdisiplin. Yang mereka boleh nampak ialah bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia ini sekiranya ditubuhkan dengan fasal-fasal yang ada di sini termasuklah Fasal 21 dan 26, maka calon-calon bumiputra akan mendapat lebih layanan daripada calon-calon bukan bumiputra. Mereka akan menyatakan bahawa sekiranya dan calon-calon bumiputra dengan kelulusan Rang Undang-undang ini maka kelulusan yang baik itu bukanlah disebabkan oleh kecerdikan, kebolehan calon-calon bumiputra itu tetapi oleh kerana Majlis itu melalui pemeriksa-pemeriksanya telah bersikap diskriminasi, telah menunjukkan satu cara memberi markah yang tidak adil, yakni memberi markah yang lebih berasaskan kepada keturunan calon itu bukan kepada jawapan yang ditulisnya atas script peperiksaan itu.

Kemungkinan pula parti DAP akan menyatakan bahawa Majlis Peperiksaan telah membuat demikian melalui kakitangan dan pegawai-pegawai oleh kerana arahan am yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri

di bawah Seksyen 21. Inilah yang amat mendukacitakan saya di atas sikap (attitude) parti DAP di dalam perkara ini.

Saya tidak menyalahkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana beliau tidak menimbulkan pendapat peribadinya, beliau cuma memberi pendapat parti DAP sepertimana beliau telah beberapa kali berhujah menyatakan pendapat DAP, pandangan DAP dalam ucapannya, maka kerana itu saya memberi pandangan yang begitu berat dan teliti di atas ucapan beliau itu. Saya di sini tidak pula berdiri atas nama parti saya, saya berdiri di sini atas Wakil Rakyat mewakili kawasan Sepang. Saya tidak berucap atas nama parti saya, saya berucap atas Wakil Rakyat di dalam kawasan Sepang dan apa juga komen saya tadi adalah mengulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka atas sifatnya sebagai jurucakap (spokesman) bagi pihak parti DAP dan saya tidak fikir ucapannya itu tersilapkah ataupun tersalah sebab melalui pengalaman saya parti DAP ini di dalam memberi sesuatu ucapannya memang amat teliti, mereka tidak memberi sesuatu pandangan dengan sewenang-wenangnya, mereka memberi perhatian yang berat, mereka teliti dengan begitu baik di atas apa juga kenyataan yang mereka buat. Maka mereka bertanggungjawab saya percaya dengan penuhnya di atas kenyataan yang mereka telah buat itu dan kenyataan yang mereka telah buat itu sekali lagi saya menegaskan adalah menghina bangsa Melayu, menghina bumiputra seolah-olah calon keturunan bumiputra, calon keturunan Melayu tidak ada kebolehan, tidak ada keupayaan, tidak ada kecerdasan untuk mendapat kelulusan tinggi di dalam peperiksaan, bukan sahaja peperiksaan dalam negeri mahupun peperiksaan luar negeri pada hal kita tahu dan kita sedar ada berlaku di mana calon-calon bumiputra yang gagal di negara kita apabila belajar ke luar negeri mendapat kelulusan pujian.

Saya tahu sendiri beberapa kes-kes di mana calon-calon bumiputra telah gagal di dalam peperiksaan dalam negeri tetapi apabila mereka pergi belajar ke luar negeri mereka telah mendapat satu kelulusan yang begitu istimewa dapat mengalahkan calon-calon daripada bangsa asing yang begitu pandai dan cerdik. Mengapa calon bumi-

putra ini boleh begitu berjaya di luar negeri tetapi gagal sama sekali di dalam negerinya sendiri? Kes-kes ini boleh kita dapati di banyak tempat, di Jabatan Lembaga Letrik Negara boleh terdapat beberapa kes seumpama yang saya nyatakan tadi, boleh disiasat kerana kes ini bukan satu, bukan dua—banyak kes, malah ada satu kes yang mana orang calon bumiputra yang kurang berjaya di dalam peperiksaan dalam negeri dapat nombor satu menjadi penuntut yang terbaik di dalam Kolej Brighton di United Kingdom. Di Kolej Brighton mendapat nombor satu, bukan nombor dua, nombor tiga—nombor satu, penuntut yang terbaik daripada pelajar-pelajar yang lain, baik ianya daripada keturunan Inggeris atau apa juga keturunan, calon ini menjadi calon pelajar yang terbaik di Kolej Brighton itu tetapi calon ini juga gagal di dalam negaranya sendiri. Saya tidak menyatakan ini satu diskriminasi, mungkin ada faktor-faktor yang lain mengapa ini berlaku tetapi kalau perkara ini dihadapkan kepada DAP sudah pasti mereka menyatakan ini diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan janganlah pedulikan kepada ucapan yang begini chauvinist, yang begitu racialist, yang begitu perkauman yang telah dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Peruntukan Seksyen 26 bersabit dengan rahsia (secret), peruntukan Seksyen 21 bersabit dengan Majlis bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri adalah penting merupakan, dengan izin, the integral part of the Bill. Sekiranya itu digugurkan, dijejaskan maka tidak payahlah kita ada lagi Majlis Peperiksaan Malaysia, kerana sudah pasti sistem akan roboh (collapse) sama sekali.

Maka dengan itu saya berdiri dan menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini dan saya sungguh-sungguh berharap janganlah ada mana-mana pihak lagi menimbulkan unsur perkauman di dalam pendapat ini. Marilah kita menganggapkan Majlis Peperiksaan Malaysia ini sebagai satu usaha dan ikhtiar yang begitu baik bagi pertumbuhan dan kemajuan pelajaran di negara kita ini sejajar dan selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tumpat.

4.38 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia tahun 1979, saya ingin memberi sedikit sebanyak pendapat dan pandangan saya semoga mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Dalam masa yang begitu singkat kita telah dapat melangkah lagi ke depan untuk mengendalikannya peperiksaan kita sendiri. Dalam tahun 1978 kita telah dapat mengendalikan peperiksaan MCE/SPM dan seterusnya peperiksaan STP dalam tahun 1982 kelak yang pada keseluruhannya akan diadakan dalam Bahasa Malaysia. Dalam proses pengambilan alih pengendalian peperiksaan MCE/SPM, SRP nyatalah bahawa kita telah berjaya melaksanakan tanpa menerima apa-apa kepincangan. Ini terbukti kepada kita bahawa pengambilan alih peperiksaan tersebut pada tahun 1978 adalah berjalan dengan lancarnya. Ini memberi harapan dan perangsang kepada kita untuk lebih maju lagi setapak demi setapak dan alhamdulillah, nampaknya arus gelombang yang kitaalui itu memberi harapan yang baik kepada kita. Dalam hal ini saya percaya negara kita mempunyai tenaga-tenaga pakar yang boleh mengendalikan peperiksaan tersebut dengan jayanya. Saya yakin dan percaya bahawa pegawai-pegawai kita mempunyai kebolehan yang diperlukan.

Fasal 4 Majlis akan dianggotai oleh Naib-Canselor bagi kelima-lima universiti tempatan. Kita faham bahawa di antara kelima-lima universiti kita, Universiti Malaya adalah sebuah universiti yang tertua sekali ditubuhkan. Kita yakin bahawa kelima-lima universiti kita ini mempunyai taraf pengajian yang tinggi yang diakui oleh pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.

Dalam pada itu, saya ingin mengesyorkan bahawa memandangkan Universiti Malaya adalah sebuah universiti yang tertua di antara kelima-lima universiti itu, begitu juga Naib-Canselornya adalah orang yang paling lama berkhidmat di universiti tersebut dan perkhidmatannya pula diakui di dalam dan di luar negeri. Maka saya yakin beliau adalah seorang yang paling layak dilantik menjadi Pengerusi Majlis yang pertama. Sekiranya

pandangan saya ini diterima, saya ingin mencadangkan juga bahawa jawatan Pengerusi Majlis ini hendaklah dilantik secara bergilir-gilir mengikut term yang ditentukan oleh pihak yang berkenaan. Dengan cara ini tiap-tiap seorang Naib-Canselor dapat diberi peluang menjawat jawatan yang tertinggi itu.

Menyentuh fasal ini juga mengenai lima orang ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menganggotai Majlis tersebut, saya berpendapat bahawa ada baiknya kelima-lima orang anggota ini dilantik daripada golongan-golongan akademik yang tertinggi dari berbagai-bagai profesion, kerana ini juga akan mencerminkan bahawa tiap-tiap profesion itu ada wakil-wakilnya di dalam Majlis tersebut. Mungkin dengan cara ini akan mencerminkan hasrat dan tujuan murni Majlis tersebut dan secara tidak langsung ia dapat menyumbangkan buah fikiran yang sangat berguna dari berbagai aspek dan ini juga akan menguntungkan negara. Sekiranya ini dapat dilakukan, saya yakin dan percaya bahawa public confidence akan dengan sendirinya dapat terjamin. Hakikat ini adalah perlu untuk menjamin mutu pencapaian yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 dan 15 mengenai lantikan Setiausaha Agong. Saya bersetuju dengan pendapat rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bahawa ahli-ahli yang telah bersara tidak seharusnya diberi pemilihan untuk menawat jawatan tersebut. Kita tahu dan sedar bahawa negara kita mempunyai banyak pegawai-pegawai yang berkaliber dari berbagai profesyen. Adalah lebih menguntungkan sekiranya khidmat seorang pegawai itu dapat diambil kira untuk dipertimbangkan. Kita juga tidak kurang dengan pentadbir akademik pegawai pelajaran untuk dipertimbangkan memenuhi jawatan Setiausaha Agong itu dan saya rasa tidaklah seharusnya diambil atau dipinjamkan dari Perkhidmatan Pegawai Tadbir semata-mata sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah universiti kita.

Setiausaha Agong ini adalah diibaratkan sebagai urat nadi bagi perjalanan pentadbiran Majlis tersebut. Sekiranya orang-orang yang betul-betul layak dapat diambil maka saya yakin dan percaya perjalanan pentadbiran Majlis ini akan bertambah licin dan kemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi lagi hasrat saya bahawa janganlah sekali-kali diambil dari pegawai-pegawai yang telah bersara untuk memenuhi kekosongan jawatan tersebut. Peluang sepatutnya diberi kepada pegawai-pegawai yang masih dalam perkhidmatannya sekurang-kurangnya berpeluang untuk naik pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang harus saya tegaskan di sini adalah mengenai pengendalian peperiksaan. Kita yakin bahawa pengendalian peperiksaan ini adalah berjalan dengan teratur tetapi dalam pada itu langkah-langkah keselamatan juga perlu diperketatkan, kerana sekiranya ini tidak diambil berat maka pembocoran kertas-kertas peperiksaan akan berlaku dengan mudahnya. Sekiranya ini terjadi maka kepercayaan orang ramai akan terjejas.

Saya juga ingin mengesyorkan bahawa sistem peperiksaan sekarang ini hendaklah dikekalkan dengan sistem menggunakan index number, kerana didapati sistem ini boleh mengelakkan soal pilih kasih di antara pemeriksa-pemeriksa. Tuan Yang di-Pertua, walau apa sistem yang akan kita lakukan kelak namun demikian adalah diharapkan bahawa nilai ekonomi dalam Bahasa Malaysia hendaklah dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa supaya ia betul-betul berkembang dan diakui sebagai bahasa nasional dan bahasa perantaraan antarabangsa sebagaimana bahasa Jepun yang berkembang dengan begitu pesatnya. Apabila ini terjamin maka soal pengiktirafan dari pusat-pusat pengajian tinggi sama ada dalam dan luar negeri akan dengan sendirinya dapat terjamin dan diakui.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa dengan proses perubahan sistem bahasa penghantar mulai daripada tahun 1980 ini akan dapat diakui sama tarafnya seperti dahulu juga di mana pelajar-pelajar kita dapat masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dengan mudahnya.

Sekianlah sahaja dan saya dengan sepenuhnya menyokong peruntukan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Bachok.

4.74 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, Saya bangun ikut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Dewan ini pada 16hb Oktober, 1979 semalam.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara dikehendaki ditegur atau dikehendak diletak kesilapannya kepada Kerajaan. Umpamanya mengapa setelah negara kita mencapai kemerdekaan selama 22 tahun seperti pertanyaan saya semalam mengenai pengabaian terhadap penggunaan Bahasa Malaysia oleh pemimpin-pemimpin dan setengah-setengah pegawai Kerajaan dalam ucapan-ucapan perasmian atau di dalam setengah-setengah mesyuarat Kerajaan. Mengapa setelah selama itu baru dikemukakan atau dibentangkan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia yang kita tunggu-tunggu. Akan tetapi pada hari ini kita tidak hendak menimbulkan soal kelewatan itu malahan kita hendak dan kita bermaksud untuk membincangkan dengan rasa kesedaran dan keinsafan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak hendak menimbulkan dan memperkatakan soal kelewatan sebab jika diasaskan kepada tempoh pengambilalihan peperiksaan MCE/FMC pada tahun 1978 maka bertepatanlah masanya Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan ini dikemukakan sekarang. Akan tetapi jika dikira begitu lama tempohnya baru diambilalih peperiksaan FMC menyebabkan Majlis Peperiksaan ini juga terlewat ditubuhkan, maka bolehlah dikatakan pembentangan Rang Undang-undang ini agak terlewat. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dan pegawai-pegawainya yang telah berjaya menyiapkan dan membentangkan Rang Undang-undang ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Yang Berhormat Menteri Pelajaran membentangkan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia 1979 ini semalam menyatakan di antara lain, tugas-tugas Majlis ini untuk mengendalikan peperiksaan dengan kerjasama lima buah universiti tempatan, badan-badan atau ejensi-ejensi di dalam dan luar

negeri yang difikirkan perlu. Penglibatan Universiti-universiti tempatan buat pertama kalinya dalam pengendalian peperiksaan akan memperkukuhkan kepercayaan orang ramai serta menjamin sumber tenaga akademik dan kepakaran yang lebih besar di samping memenuhi keperluan kelayakan masuk universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengulas soal itu, malahan saya hendak mengatakan bahawa penubuhan Majlis ini nampaknya kita tidak ragu-ragu lagi tentang kejayaannya asalkan segala-gala peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini dapat dipatuhi dengan penuh kejujuran dan keikhlasan dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, cuma ada satu dua perkara sahaja saya suka menarik perhatian kepada Rang Undang-undang ini. Pertamaanya dalam Fasal 7 (1) iaitu Tugas Majlis ialah mengelolakan tertakluk kepada dan mengikut Akta ini peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu, termasuklah—(a) menyediakan dan menerbitkan sukatan-sukatan pelajaran peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin untuk menyediakan sukatan pelajaran tidaklah dibebankan terus menerus kepada anggota-anggota Majlis ini semuanya, mungkin ketuanya sahaja dipilih ataupun dilantik daripada salah seorang anggota-anggota Majlis ini atau sebuah Jawatankuasa akan ditubuhkan oleh Majlis ini di bawah Fasal 11 (2) yang berbunyi:

11. (2) Majlis boleh melantik beberapa jawatankuasa lain sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk melaksanakan apa-apa jua fungsi Majlis yang diwakilkan kepadanya oleh Majlis itu.

Dalam melantik jawatankuasa itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Majlis hendaklah bercermat dan berhati-hati dalam tindak tanduk membentuk jawatankuasa ini kerana jawatankuasa ini adalah merupakan suatu jawatankuasa yang terpenting yang terpaksa memikirkan penyusunan sukatan pelajaran. Sifat-sifat ahli-ahli jawatankuasa yang dibentuk oleh Majlis amnya dan khususnya ahli-ahli jawatankuasa itu selain daripada orang-orang yang berkelayakan pakar, maka perlu bakal-bakal calon jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada orang-orang yang

baik peribadinya, benar segala tutur katanya, suci dan bersih dalam tindak tanduk dan perbuatannya, jujur dan amanah serta tidak khianat kepada pelajar-pelajar yang tidak berdosa. Begitulah diharapkan sama ada jawatankuasa kecil yang akan dilantik oleh Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang sahaja daripada ahli jawatankuasa sukatan pelajaran itu yang tidak jujur sekiranya ada—saya berharap tidak akan ada, dia ingin mendapat keuntungan dan kepentingan diri, maka tidak keberatan bagi seseorang yang tidak jujur itu membocorkan rahsia Kerajaan, membocorkan tajuk-tajuk sukatan pelajaran kepada pencetak buku teks, buku-buku rujukan, baik di dalam atau di luar negeri dan jika ini berlaku akibatnya amat buruk sekali. Oleh sebab itu saya mengharapkan supaya perlantikan itu hendaklah berhati-hati. Saya menyokong ucapan Yang Berhormat dari Pagoh yang mengatakan dalam menyediakan dan menyusun semula sukatan pelajaran hendaklah pihak berkenaan memerhati dan mengkaji mana-mana mata pelajaran yang difikirkan perlu juga patut dimasukkan.

Perkara yang lain, ialah perkara melantik pengawas peperiksaan, seorang ketua pengawas di pusat peperiksaan hendaklah dikaji latarbelakangnya walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini dia seorang yang telah berjaya atau seorang yang tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada pengawal peperiksaan ataupun kepada Majlis—sekarang Majlis Peperiksaan. Sekiranya ia didapati juga baik maka bolehlah ia ditimbangan untuk menjadi ketua pengawas di pusat yang lain, tidaklah ertinya bertahun-tahun atau sampai 10 tahun berturut-turut dia menjadi ketua pengawas di pusat yang sama. Mungkin barangkali dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini dia mempunyai peribadi yang baik, tetapi bila dimasuki oleh anasir-anasir lain mungkin pada saat yang akhir ini dia akan menyeleweng dari tugas-tugasnya yang tertentu.

Kedua, orang-orang atau guru-guru yang berkelayakan khususnya yang belum dilantik menjadi ketua atau pengawas peperiksaan di pusat-pusat peperiksaan, maka perlantikannya bolehlah dibuat, maksud saya, tugas ini hendaklah digilir-gilirkan.

Ketiga sebelum seorang ketua pengawas peperiksaan di bilik-bilik ataupun di pusat-pusat peperiksaan itu dilantik maka hendaklah dikaji sejauh mana tempat tinggal seseorang ketua pengawas itu dengan pusat peperiksaan. Jika didapati jauh, maka pusat peperiksaan itu hendaklah diberi atau ditugaskan kepada calon-calon yang lain yang lebih dekat.

Selain daripada itu masalah melantik ketua pemeriksa kertas jawapan peperiksaan. Dalam perkara ini kita telah dengar dengan panjang lebar dan kita mengharapkan supaya perlantikan dalam saat kita mengulaskan Majlis Peperiksaan yang kita sedang bincangkan pada hari ini tidak akan berlaku apa-apa sungutan atau apa-apa rasa tidak puas hati dari kalangan ibubapa sekalian, sebagaimana yang kita dengar dalam Dewan pada hari ini timbul masalah yang saya sebutkan itu.

Perkara yang keempat, saya rasa setiap jawatan ataupun setiap tugas yang akan diberi oleh Majlis ini melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing, umpamanya, menjadi ketua pengawas, pengawas, penyelia, pemeriksa kertas jawapan dan sebagainya, sebelum daripada Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing itu melantik orang-orang yang tertentu, maka hendaklah suatu taklimat umum mengenai Rang Undang-undang ini, terutama sekali masalah beberapa fasal yang melibatkan denda sebanyak \$5,000 atau setahun penjara ataupun denda \$10,000 ataupun dua tahun penjara, ertinya segala hukuman yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini hendaklah diumumkan atau diberitahu kepada semua orang-orang yang akan dilantik itu. Dengan cara ini tidaklah perlantikan ataupun tidaklah jawatan-jawatan itu menjadi jawatan rebutan oleh setengah-setengah orang.

Perkara selanjutnya saya mengharapkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri apakala sahaja pengambilalihan ini berjalan hendaklah segala-galanya disempurnakan, umpamanya, arahan-arahan di dalam kertas-kertas soalan hendaklah jelas dan mudah diikuti walaupun kita dapati 90 peratus daripada yang sudah berjalan selama ini meliputi apa yang saya maksudkan, tetapi kita hendaklah pada kali ini biarlah sampai lebih daripada itu, kalau boleh seratus peratus. Demikianlah juga jadual waktu peperiksaan jangan menimbulkan kesamaran

sebagaimana yang berlaku pada masa dua tahun yang lepas menyebabkan setengah calon-calon peperiksaan menghadirkan diri di bilik peperiksaan sejam atau lebih kemudian daripada masa yang sebenar. Ini sebenarnya kerana susunan itu tidak terang, tidak jelas dan guru yang mengajar itu atau pihak mengelola itu tidak menerangkan dengan jelasnya kepada calon-calon yang masuk peperiksaan. Ini berlaku kepada kertas Ugama Islam sebagaimana yang saya bangkitkan dahulu.

Yang akhir sekali perlu juga saya sebutkan di sini ialah masalah melantik pemeriksa kertas, tadi secara umum, sekarang saya sebutkan secara detail sedikit. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri pada masa Yang Berhormat Menteri menggulung Rang Undang-undang ini, masalah yang didapati di mana orang-orang yang sudah meninggal lapangan perguruan tetapi mereka dilantik juga menjadi pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan. Kalau dia seorang Pegawai Pentadbir tetapi dia selalu juga mengajar pada masa-masa tertentu, pada sebelah malamnya dalam mata-mata pelajaran yang seumpama itu dia boleh ditimbang, tetapi kalau sekiranya dia sudah meninggalkan langsung jawatan itu, kita ragu-ragu sedikit kebolehan dan kemahiran dia walaupun script jawapan yang ditentukan kepada mereka itu ada diberi dan disimpan oleh ketua pemeriksa kertas jawapan itu sendiri.

Saya rasa itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini.

5.02 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum pada masa ini ukuran kecerdasan dan kecerdekan seseorang penuntut itu diukur daripada hasil markah yang diperolehinya selepas suatu peperiksaan diadakan pada akhir tahun. Seseorang murid yang mengambil peperiksaan LCE, SPM atau STP dan lain-lain peperiksaan kecerdekananya itu hanya dinilai pada waktu dia mengambil peperiksaan-peperiksaan yang saya sebutkan itu. Itulah waktu yang amat penting baginya. Prestasinya dalam masa seminggu itu akan menentukan masa depan

murid-murid itu baik dalam bidang akademik mahupun dalam bidang hidupnya di masa depan.

Kalau dalam masa dia mengambil peperiksaan itu perasaannya terganggu atau dia tidak begitu sihat maka nasibnya tidaklah begitu baik dan kerana dia sakit dalam masa seminggu itu atau perasaannya tidak begitu tenang prestasinya dalam peperiksaan akan terjejas dan ikut terjejas pulalah masa hadapannya dalam bidang akademik dan dalam hidupnya.

Saya ragu-ragu apakah kita patut teruskan keadaan seperti ini, cara memberi markah, menilai seseorang murid atau penuntut hanya dalam masa seminggu atau lebih. Saya lebih cenderung kalau sesuatu penilaian dan pemberian markah supaya dibuat sepanjang tahun dia mengambil sesuatu peperiksaan. Saya cadangkan supaya kita ikut apa yang dibuat di Amerika Syarikat. Bukan semua yang ada di Amerika itu baik dan boleh kita ikut, tetapi salah satu daripadanya yang saya rasa boleh kita ikut ialah sistem mereka memberi markah, menilai I.Q., kecerdikan, kecerdasan seseorang pelajar itu. Di sana setiap orang pelajar atau penuntut itu diukur kecerdasan dan kecerdikannya bukannya hanya dengan satu peperiksaan pada akhir tahun sahaja, tetapi diukur daripada beberapa peperiksaan ataupun sekurang-kurangnya tiga peperiksaan diadakan setiap tahun dan hasil setiap peperiksaan atau ujian yang dijalankan dalam masa setahun itu akan diambil kira pada ketika hendak memberi markah bagi tujuan dia mendapat ijazah atau certificate.

Cara seperti ini saya percaya akan menjamin atau menentukan bahawa seseorang murid itu akan mahu belajar sepanjang masa dalam tahun itu, tidaklah macam sekarang ini ada setengah-setengah murid yang over-confident hanya belajar bila masa tiga bulan lagi hendak duduk peperiksaan barulah dia belajar bersungguh-sungguh, jam itu hendak baca buku, jam itulah hendak buat home work dan sebagainya.

Selain daripada itu, terutama pada awal-awal tahun dia asyik bermain dan hanya melihat buku bila sampai dalam kelas. Dengan cara yang dijalankan seperti yang saya sebutkan di Amerika itu seseorang murid itu akan menempoh ujian atau peperiksaan setiap tiga bulan, setiap akhir penggal.

Oleh kerana dia tahu bahawa pencapaiannya di dalam peperiksaan itu akan diambil kira apabila dia menduduki peperiksaan akhir nanti maka tentulah dia terpaksa belajar sepanjang masa sepanjang tahun.

Pada pendapat saya cara pemberian markah seperti ini lebih objektif, lebih adil, lebih saksama oleh kerana saya tidak fikir kecerdasan seseorang penuntut itu bahkan kecerdasan seorang manusia itu sampai ke puncaknya hanya apabila akhir tahun. Dalam sistem peperiksaan yang kita adakan sekarang, kita membuat pengakuan seolah-olah memperakui bahawa kecerdasan seseorang murid itu akan sampai kepada puncaknya (peak) dalam masa akhir tahun, itulah jam kita hendak periksa dia. Tetapi kalau sistem yang saya katakan tadi, tiga kali periksa dalam setahun dan setiap pencapaiannya diambil kira maka kita boleh membuat assessment yang betul terhadap I.Q., prestasi dan performance seseorang murid itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sistem baru ini juga saya percaya kita dapat mengelakkan apa yang kita kenal dalam bahasa kita sebagai penyakit tekanan perasaan atau dalam bahasa Inggeris dipanggil "hysteria" yang sering melanda murid-murid terutama murid-murid yang duduk di asrama-asrama oleh kerana terlalu kuat competition, perlawanan, gandingan antara satu murid dengan satu murid dalam satu kumpulan yang ramai maka perasaan itu tidak dapat ditahan-tahan lagi lalu berlaku apa yang kita panggil "hysteria" itu. Walaupun banyak orang mengatakan perkara ini berlaku kerana hantu-hantu dan syaitan tetapi saya percaya punca utamanya ialah kerana tidak dapat hendak tahan tekanan perasaan hendak menghadapi sesuatu peperiksaan di akhir tahun, kerana murid-murid ini tahu kalau mereka gagal dalam peperiksaan ini, mereka terpaksa menunggu setahun lagi untuk mengambil semula peperiksaan itu, kalau boleh diambil semula. Kalau nasib tak baik, terpaksa keluar daripada sekolah itu dan menjadi private candidate. Kalau nasib baik, boleh tunggu setahun lagi dengan ihsan Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Jadi keadaan seperti ini menyebabkan building up perasaan tegang di dalam diri murid-murid yang muda-muda itu dan saya tidak fikir ini baik untuk kesihatan mereka bila mereka tua kelak. Mungkin oleh kerana

adanya tekanan pada masa mereka kecil di sekolah-sekolah itu bila dewasa mudah mereka mengidap penyakit darah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya sistem peperiksaan cara yang saya sebutkan tadi dimulakan dengan peperiksaan STP/HSC oleh kerana bilangan murid-murid yang mengikuti kelas-kelas STP/HSC ini tidak begitu ramai dan bilangan yang mengambil peperiksaan pun tidak begitu ramai, mudah sedikit dikelolakan. Mungkin saya tidak mahu rekomenkan peperiksaan seperti ini dijalankan di sekolah rendah untuk Sijil Rendah Pelajaran atau SPM oleh kerana bilangannya terlalu ramai dan barangkali susah hendak dijalankan, tetapi ada keperluan saya nampak kalau kita adoptkan sistem ini, kita lanjutkan juga kepada peperiksaan-peperiksaan untuk keperluan ijazah dan diploma oleh kerana di sinilah masalah yang sebenarnya pelajar-pelajar kita itu pergi ke institusi-institusi pelajaran tinggi pada awal tahun langsung tidak banyak menghiraukan pelajarannya dengan membuat aktiviti-aktiviti yang tidak ada sangkut paut dengan pelajaran mereka. Tetapi kalau kita paksa mereka mengambil ujian tiga kali dalam setahun, setiap 3 bulan tentulah mereka akan siang malam terpaksa belajar dan ini bukan sahaja baik untuk negara tetapi baik juga untuk mereka supaya mereka sedar bahawa dalam hidup ini kita terpaksa selalu sahaja bersedia untuk menghadapi ujian-ujian dalam hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun di sini untuk memberikan beberapa pandangan dan pendapat saya berkenaan pembentangan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari semalam.

Tuan Speaker, kalau kita tinjau dan amati betul-betul akan Rang Undang-undang ini serta mendengar daripada apa

yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam, saya mendapati beberapa perkara yang kurang jelas dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan dan juga jawapan kepada apa yang saya ingin huraikan di sini.

Walaupun pada hakikatnya saya mengakui Rang Undang-undang ini sebagai mencerminkan usaha ke arah mewujudkan identiti negara melalui sistem pelajaran tetapi di sebalik penubuhan Majlis ini patutlah Kerajaan meninjau beberapa kelemahan atau kekurangan yang sedia ada ataupun yang akan timbul daripadanya. Pertama saya ada satu pertanyaan di sini iaitu setelah meneliti Rang Undang-undang ini dan kita juga mendengar ucapan Menteri semalam, tidak ada satu rangkai kata atau clause ataupun seksyen yang menyebut mengenai Lembaga Peperiksaan Malaysia yang sekarang diletakkan di bawah pengawasan dan pengendalian Kementerian Pelajaran. Adakah dengan penubuhan Majlis ini khusus untuk mengendalikan semua peperiksaan yang akan datang bermaksud bahawa Lembaga Peperiksaan yang ada sekarang dimansuhkan tugas dan bidangnya dan diletakkan di bawah kawalan Majlis ini ataupun ini akan menjadi satu Lembaga yang terasing dan wujud sebagai satu badan yang lain. Penjelasan mengenai perkara ini mestilah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya diketahui umum.

Mengenai istilah "Pengawal Peperiksaan" yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini dan juga menjadi salah seorang ahli anggota Majlis ini boleh menunjukkan bahawa masih wujudnya Lembaga Peperiksaan lagi atau dengan fahaman yang lebih luas bidangnya dan fungsi Majlis ini tidak begitu luas tetapi dikawal sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran dan ini tidak merupakan satu badan yang bebas.

Yang keduanya, Tuan Speaker, dalam Rang Undang-undang ini saya perhatikan bahawa tidak ada peruntukan mengenai perlantikan Penasihat (Advisor). Saya berpendapat bahawa seorang Penasihat patutlah diadakan supaya beliau dapat menyumbangkan buah fikiran yang bernas dan pandangan-pandangan membina supaya fungsi Majlis ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan lebih teratur.

Mengenai keanggotaan Majlis iaitu 5 orang daripadanya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka mengesyorkan supaya perlantikan itu termasuk orang perseorangan atau individu yang berpengalaman luas dalam bidang pelajaran. Saya juga ingin bertanya adakah dengan penubuhan Majlis ini tempoh pengajian di Tingkatan VI akan dikurangkan kepada satu tahun sahaja kerana tempoh dua tahun sekarang adalah satu jangka masa yang panjang, tambahan pula sukatan pelajaran yang dikendalikan oleh Majlis ini saya berpendapat eloklah diperkemas lagi menjadi tempoh masa satu tahun dan sekurang-kurangnya Kerajaan dapat mengurangkan kos pembiayaan pelajaran?

Saya juga faham bahawa penubuhan Majlis ini adalah berikutan terhentinya khidmat dan pengelolaan Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge tidak beberapa lama lagi setelah Kementerian Pelajaran berjaya mengambilalih untuk mengendalikan peperiksaan SPM/MCE mulai tahun 1978 dan juga setelah sistem pelajaran di negara kita menggunakan sepenuhnya penghantar Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia mulai tahun 1979.

Beberapa perkara seperti soal pengiktirafan sijil kelulusan dan mutu atau darjah pencapaian di dalam sesuatu mata pelajaran peperiksaan amatlah diperlukan perhatian yang wajar mengenainya kerana jurang pemisahannya memang wujud. Mari kita perhatikan, umpamanya, saya hendak beri satu contoh iaitu sekiranya seorang pelajar di mana mata pelajaran bahasa Inggeris darjah pencapaian kecemerlangan kelulusan di Malaysia ialah Gred I tetapi setelah dinilai oleh Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge mutu pencapaian telah turun dengan mendapat kepujian Gred 6 sahaja. Ini adalah satu contoh mengenai jurang pemisah dari segi mutu dan pengiktirafan. Apa yang perlu Kerajaan lakukan melalui Majlis ini ialah untuk menentukan bahawa darjah pencapaian kelulusan sesuatu mata pelajaran mestilah setanding atau memenuhi kehendak Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge. Kita tidak mahu mendengar lagi selepas pengambilan guru-guru bahasa Inggeris dari Britain atau United Kingdom untuk mengajar dan meninggikan mutu bahasa Inggeris di sini lagi atau masih terdapat kekurangan ini.

Tuan Speaker, dengan penubuhan Majlis ini saya berharap jenis-jenis peperiksaan yang disediakan dan dikendalikan oleh Majlis ini diperluaskan lagi meliputi peperiksaan iktisas (professional) yang tidak terdapat di negara kita secara usahasama dengan universiti-universiti luar negeri. Majlis Peperiksaan juga mestilah, pada pandangan saya, memilih kakitangan yang benar-benar berpengalaman dan berkebolehan agar mutu pencapaian peperiksaan di negara kita sentiasa tinggi. Peperiksaan yang adil dan saksama dan teliti ke atas kertas jawapan soalan peperiksaan hendaklah dibuat dengan hati-hati dan tidak secara sambil lewa sahaja kerana pihak pelajar atau orang ramai ataupun mahkamah tidak berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau script jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon seperti yang tercatat di dalam Seksyen 26 Rang Undang-undang ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah kita sering mendengar pembocoran kertas-kertas soalan peperiksaan pada masa-masa yang lalu. Saya meminta Kerajaan memastikan perkara ini tidak berlaku lagi seperti sebelumnya atau pada masa yang lampau. Cuba kita tinjau akan ramalan-ramalan soalan peperiksaan yang terdapat dijual di pasaran, ramalan-ramalan ini mungkin dibuat oleh sindiket tersusun (organised syndicate) dan saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapatlah mengambil langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang positif untuk membenteras atau menghapuskan sindiket-sindiket yang terlibat.

Akhirnya, suka saya menyentuh mengenai yuran peperiksaan. Seperti yang kita sedia maklum yuran peperiksaan sekarang adalah tinggi akibat kos pembiayaan peperiksaan seberang laut yang tinggi. Dengan penubuhan Majlis ini saya berharap bahawa Majlis ini dapat menimbangkan cara-cara untuk mengurangkan yuran peperiksaan supaya pelajar-pelajar yang miskin tidak sukar untuk membayarnya. Inilah sahaja pandangan yang hendak saya sampaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

5.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan

oleh Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat Undang-undang ini amatlah kena pada tempatnya kerana kita telah merdeka dua puluh dua tahun sebagaimana dikatakan oleh wakil Tanah Merah dan ini adalah kenyataan.

Kalau difikirkan dengan seorang manusia sekalipun sesudah berumur 22 tahun dia lebih daripada matang dan lebih daripada cukup sebagai seorang dewasa yang sebenarnya. Dengan sebab itu saya berpendapat segala undang-undang yang telah dirangka di masa penjajah dahulu agaknya semua patut kita sesuaikan dengan negara kita baharulah boleh dikata bersesuaian dengan sesuatu tempat; tempat mana kita berdiri tempat itu langit kita junjung, dan biasa dikata orang, lain padang lain belalang. Jadi kalau kita hendak jadikan sebagai tempat lain tentulah tidak sesuai. Dengan sebab itu di segi penubuhan Lembaga ini tiadalah perkara yang saya tidak puas hati kerana saya percaya sebagaimana dikatakan oleh kawan-kawan saya tadi Lembaga ini terdiri daripada orang-orang yang boleh dikatakan bijak pandai kerana semuanya daripada Naib-naib Cancellor Universiti yang ada di negara kita. Dengan sebab itu kita tentulah tidak syakwasangka lagi di atas kebolehan mereka ini.

Tetapi sebagaimana kita sama-sama maklum Lembaga apapun, dasar apapun kerap kali dasar itu baik, Lembaga itu baik tetapi Lembaga bermesyuarat 3 bulan sekali. Kadang-kadang 6 bulan sekali. Tetapi yang akan menjalankan keputusan Lembaga itu tentulah sebagai yang ada dalam peraturan ini ialah Setiausaha Agung dan pegawai-pegawainya. Inilah orang yang akan menjalankan atau melaksanakan apa yang diputuskan oleh Lembaga yang berkenaan. Maka dengan sebab itu saya berpendapat tentang tugas Setiausaha ini ada dikatakan oleh kawan-kawan di sini, biar daripada orang berpengalaman bukan orang berpencen dan sebagainya. Itu saya sokong tetapi di sebalik itu hendaklah tanggungjawab kepada mereka diutamakan jangan diambil daripada sekim biasa. Ambil A, B dan lebih tinggi daripada itu kerana kita kedapatan kalau orang hendak ambil satu-satu perkara, baik jenis motokar sekalipun, kalau jenis yang pakai minyak super tentulah dia mudah pecut, kata orang dia ada pick-up. Kalau pakai injin diesel kerana minyak murah, pick-up tiada. Kalau benda yang kita

hendak ambil itu benda yang baik biarlah kita cari benda yang baik, maka dengan sendirinya kebanyakan daripada pegawai-pegawai Kerajaan ingin berkhidmat di tempat itu. Setakat yang saya dapat tahu hari ini gaji pegawai-pegawai yang ada hari ini amatlah tidak berpatutan, dengan sebab itu jarang orang yang sudi bekerja di situ, kerjanya teruk tetapi gajinya tidak begitu berpatutan. Ini saya fikir perkara yang pertama untuk perhatian Dewan ini khasnya kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai. Kalau Setiausaha seorang pun tidak boleh buat. Setiausaha ini macam kita dengar soal jawab kelmarin setakat hendak sign buat peraturan. Yang hendak jalankan kerjanya pegawai-pegawai dan kerani-kerani di bawahnya. Kita bereskan semua ini, insya Allah pelaksanaan dasar yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan ini akan berjalan dengan baik.

Yang kedua tentang bayaran. Saya berpendapatan Kerajaan hendak ambil bayaran kerana ini di segi kewangan. Kalau tidak silap saya dalam Bahagian IV Rang Undang-undang ini tentang mengadakan tabung kewangan. Tiada wang pun tidak boleh bekerja. Kerajaan hari ini sungguh simpati kepada rakyat, dia ambil wang dibayar gaji tetapi diambil balik gaji dengan cara cukai pendapatan. Begitu juga diberi kepada rakyat, ambil cukai dan sebagainya. Tetapi ada pula Kerajaan ini bertimbang rasa, diberi subsidi dan sebagainya.

Saya berpendapat kerana rakyat di dalam negara Malaysia ini ada berbagai golongan, ada golongan yang berpendapatan tinggi, ada golongan yang berpendapatan rendah, ada golongan yang dinamakan golongan terlampau susah tetapi bila sampai masa peperiksaannya, tetap kena masuk. Bagi petani, kadang-kadang hendak mencari \$120 sekali gus amatlah susah. Dia juga kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hendak cari \$120 amatlah rumit. Maka dengan sebab itu saya berharap kalau hendak tetap dengan peringkat yang lama itu, saya tidak membangkang tetapi adakan subsidi sebagaimana diberi oleh Menteri Pertanian kepada petani dan sebagainya, tengok murid yang didapati susah, diberi.

Betul, saya tidak nafikan ada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya kadang-kadang cukup susah hendak dapat. Saya sendiri biasa minta peruntukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk

menolong murid-murid yang hendak ambil peperiksaan ini sampai kadang-kadang, terpaksa kita bayar dulu, kadang-kadang tidak dapat duit. Dengan sebab itu saya berharap dapat diadakan tabung khas untuk subsidi kepada murid-murid yang miskin berdasarkan laporan daripada guru-guru yang mana murid-murid ini patutlah diberikan subsidi. Jadi tidaklah teruk sangat keluarga yang berkenaan bila sampai hari peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak dicakapkan oleh kawan-kawan saya mengenai kebocoran soalan peperiksaan. Saya ingat kali ini harus tidak berlaku. Tetapi yang saya sedih, setahu saya kebocoran ini yang kerap kali berlaku tidak di luar bandar. Tetapi kerap kali berlaku kebocoran peperiksaan ialah di dalam bandar dan yang menyedihkan daripada orang yang banyak kewangan. Ianya tidak berlaku kepada orang kampung, yang susah dan sebagainya. Maka dengan sebab itu saya berpendapat tentulah perkara ini ada rasuah.

Saya juga menyokong dengan pendapat kawan-kawan saya yang lain walaupun perkara ini kita kata sudah basi, tetapi patutlah diawasi dengan cara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga sijil pernah berlaku kecurian. Sebagaimana kita tahu bahawa sijil ini amatlah mustahak sebagai satu kenyataan tanda dia lulus peperiksaan. Walaupun apa pendapat, kalau tidak silap saya Hamka mengatakan bahawa seseorang yang akan berjaya di dalam hidupnya bukan dengan shahadah ataupun sijil, tetapi apabila dia terbit di dalam masyarakat, kejayaan seseorang itu bukan ditentukan pada sijil. Tetapi kita nafikan kalau hendak dipandang dari segi kerja, hendak minta kerja dan sebagainya, sijil adalah satu perkara sebagai akuan walaupun kita tidak tahu kecemerlangan hidup dan kenamaan seseorang itu di dalam masyarakat, seperti pemimpin, kadang-kadang orang tidak bertanya dia itu lulus dari mana, tetapi walau macam manapun apabila minta kerja sijil itu amatlah mustahak. Dengan sebab itu saya berpendapat sijil ini patut diawasi. Dan kalau boleh patutlah dibuat satu cap khas macam cap wang kertas kita supaya tidak boleh ditiru oleh mana-mana badan sekali pun. Dan saya berpendapat juga di samping saya bercakap tentang perkara ini, seperti mana di dalam Rang Undang-undang ini dikatakan cari jalan, saya tidak baca satu-persatu, tetapi memang ada di dalamnya sebagai ikhtiar dari Lembaga ini juga apa

yang difikirkan sesuai untuk kebaikan lembaga itu macam peruntukan mengenai perkara-perkara pelbagai guna untuk Lembaga Peperiksaan sebagai alat kita.

Di dalam Dewan ini, kadang-kadang kita tidak ada alat cetak sendiri. Ini kerana kita tidak begitu rahsia sangat. Kadang-kadang kita dapati cetakan itu lambat sampai. Tetapi kalaulah alat cetak benda rahsia ini kita tidak ada sendiri dalam Lembaga Peperiksaan, saya takut, boleh jadi ada golongan manusia yang akan mencuri pembocoran rahsia yang dirahsiakan itu untuk dicetak pula ke tempat yang lain. Dengan sebab itu saya berpendapat alat cetak untuk Lembaga Peperiksaan ini amat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pendapat yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi. Kerana kita sebagai manusia kadang-kadang hari ini kita sihat, esok kita tidak sihat. Hari ini kita ada mood baik, esok kita tidak ada mood. Begitulah juga cara bercakap dan sebagainya. Di masa kita tidak sihat, kita tidak boleh menjawab peperiksaan dengan baik. Ini terjadi kepada kawan saya sendiri yang satu sekolah. Dalam masa hayatnya dia cukup pandai, tetapi malangnya bila sampai hari peperiksaan, dia tidak sihat dan dia gagah untuk ke sekolah bagi mengambil peperiksaan itu. Biasanya pada tiap-tiap tahun dia dapat nombor satu di dalam darjah tetapi malangnya disebabkan kesihatan dan keuzurannya tadi walaupun dia boleh ambil peperiksaan, membawa dia lebih kepada angka 10, sedangkan asalnya angka satu. Jadi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, saya fikir amatlah patut.

Dengan sebab itu kalaulah tidak dapat kita jalankan terus-menerus, tetapi ada perkara-perkara yang patut kita pinda, patutlah diubah. Kalau tidak silap saya dalam peperiksaan ada dua cara. Satu peperiksaan lisan (oral) bagi bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia termasuk praktikal, memakan masa 13 hari. Sedangkan masa persekolahan untuk tiap-tiap sekolah ada 192 hari. Yang mana daripada 365 hari ditolak cuti sudah tinggal 192 hari. Kalau boleh, kita kurangkanlah sedikit peperiksaan yang ada dengan peperiksaan hari-hari, itu lebih baik lagi. Peperiksaan yang kita dapati di dalam darjah apa yang diamalkan oleh murid, misalnya kita kata, jika ajak bercakap bahasa Inggeris ataupun Bahasa

Malaysia, apatah lagi pendapat saya kalau hari ini, kalau tidak silap saya, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh betulkan, dengan adanya kita buat lembaga ini harus tidak ada lagi bahasa Inggeris, cuma tinggal Bahasa Malaysia.

Saya ingat ini lebih penting lagi. Tetapi kalau hendak adakan juga, pada pendapat saya janganlah diadakan hari-hari. Misalnya hari peperiksaan ini ada 13 hari. Kalau tidak silap saya lima hari untuk oral bahasa Inggeris dan lima hari untuk Bahasa Malaysia dan tiga hari praktikal. Kalaulah boleh dijadikan penilaian itu sebagai kiraan markah, saya percaya sebagai seorang guru tentulah dia dapat menilai muridnya bercakap di dalam kelas dan dia juga rajin bercakap mengikut peraturan. Kerana tiap-tiap yang dicakap oleh murid-murid itu, dia akan bercakap mengikut sopan, mengikut peraturan, kerana itu semua akan diambil markah oleh guru. Begitu juga praktikal dan sebagainya.

Dengan sebab itu saya berpendapat kalau boleh dipinda mana yang tidak sesuai mengikut keadaan negara kita. Begitulah juga bercakap tentang masa peperiksaan tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat ubahkan, kerana kami merasa sedih bahawa hari Ahad lalu peperiksaan LCE tidak diadakan, kerana hari cuti. Tetapi sebaliknya hari Jumaat, hari cuti umum bagi negeri Perlis ada peperiksaan LCE. Seolah-olah hari ini kita amat membesar-besarkan di segenap segi hari yang diagung-agungkan oleh bukan Ujama Islam kita juga agungkan sangat, sebenarnya hari yang diagungkan oleh uajama Islam ialah hari Jumaat—itu yang kita tinggalkan. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kita bukannya takut, kalau Bahasa Malaysia kita jadikan Bahasa Kebangsaan dan boleh diterima oleh segenap golongan dalam negara kita

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.00 petang. Jadi dalam senarai di sini ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya harap diringkaskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi dengan sebab itu saya berharap kalau boleh hari peperiksaan yang jatuh pada hari Jumaat, dijadikan

hari cuti. Itu saya harap sangat, kalau hendak dicutkan juga hari Ahad, sebab dipandang hari Ahad itu sebagai hari besar kepada negara kita kalau boleh saya ingat cutikanlah hari Jumaat, digantikan hari Ahad dan kalau tidak boleh juga, Ahad dan Jumaat itu dijadikan cuti kedua-duanya sekali, kerana ini hari kebesaran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan saya bercakap, saya rasa setakat itulah sahaja sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dan saya berharap supaya tiap-tiap Rang Undang-undang ini hendaklah disesuaikan dengan keadaan negara baik secara peri kemanusiaan dan adat istiadat yang menasabah, apatah lagi uajama Islam sebagai uajama rasmi biarlah menasabah apa yang hendak dilakukan sesuai dengan semangat Perlembagaan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong. Saya beri masa 10 minit.

5.40 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia tahun 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada kepercayaan terhadap Majlis Peperiksaan ini boleh mencapai satu imej dan standing yang bebas dan dengan penuh integrity jikalau kita memberi peluang kepada Majlis ini. Kita telah dengar di dalam Dewan yang mulia ini ada tuduhan-tuduhan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Peperiksaan ini barangkali boleh disalahgunakan untuk mencapai tujuan-tujuan politik orang yang memegang kuasa. Tuduhan-tuduhan dan perasaan ini dan syakwasangka-syakwasangka seperti ini tidak boleh dinafikan dan jika syakwasangka-syakwasangka ini tidak dinafikan boleh jadi satu issue dalam negara kita hari ini. Masalah ini selalu timbul oleh kerana majoriti rakyat tidak faham fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Majlis ini dan saya ada satu cadangan di sini, diharap Kementerian Pelajaran boleh menerima cadangan saya ini, iaitu kita harus adakan di dalam sekolah-sekolah sesi-sesi dailog PIBG atau Persatuan Ibubapa dan Guru-guru menjelaskan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Majlis ini dan juga mengadakan circular di dalam Bahasa Kebangsaan, Tiong-hua dan Tamil kepada semua ibubapa yang

juga menjelaskan fungsi dan kuasa-kuasa Majlis Peperiksaan ini. Langkah semacam ini mesti kita ambil oleh kerana selalu ingatan saya kita tidak berapa kuat counter tuduhan-tuduhan dengan facts dan explanation dan saya harap kali ini kita boleh adakan langkah semacam ini, dan mendapat credibility dari semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita jangan nafikan syakwasangka-syakwasangka rakyat terhadap credibility dan integrity Majlis ini kita harus pastikan Majlis ini menjadi satu Majlis yang bebas dan mendapat kepercayaan rakyat Malaysia. Oleh kerana kepercayaan rakyat terhadap sesuatu Majlis Peperiksaan sebagai ini yang sangat mustahak juga ada lagi satu cadangan iaitu keanggotaan Majlis ini di mana 5 orang yang dilantik harus dipilih dari orang-orang yang berpengalaman dan juga dari orang-orang yang boleh mendapat kepercayaan dari orang awam. Seharusnya kita memilih ahli-ahli dari persatuan profesional dan juga persatuan-persatuan pekerja sebagai contoh dari Persatuan Guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, harapan dan aspirasi generasi baharu negara kita bergantung kepada Majlis Peperiksaan ini dan kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat harus sentiasa tentukan Majlis ini berfungsi dengan adil, bebas, objektif dan saksama terhadap tugasnya. Inilah tanggungjawab kita dan inilah kita pasti tegaskan. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mantin.

5.45 ptg.

Datuk Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul bagi mengadakan Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia dan saya ingin membuat sedikit sebanyak pendapat saya seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kata tajuk ringkas kepada Rang Undang-undang ini bahawa Akta ini ialah untuk menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia bagi maksud mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan perkara-perkara yang berhubung dengannya. Bagaimanapun adalah ditegaskan dalam Jadual Pertama kepada Akta bahawa peperiksaan bagi tujuan ini adalah menjalankan

Peperiksaan HSC tetapi Fasal 22 Rang Undang-undang itu menegaskan bahawa Yang Berhormat Menteri itu selepas berunding dengan Majlis itu boleh meminda Jadual Pertama itu, ini boleh jadi di masa hadapan Yang Berhormat Menteri boleh meminda Jadual termasuk peperiksaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan penjelasan bagi menjalankan Rang Undang-undang ini telah menyatakan dengan terang bahawa adalah perlu menubuhkan Majlis ini kerana Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge telah membuat satu keputusan iaitu tidak lagi mahu menjalankan peperiksaan HSC bagi Malaysia. Adalah diharapkan bahawa Akta ini tidak akan terlibat dengan peperiksaan lain yang pada masa ini telah dijalankan oleh institusi-institusi akademik pengajian tinggal dalam negara ini iaitu sama ada dijalankan oleh Universiti-universiti, Kolej-kolej atau Politeknik dan juga peperiksaan yang dijalankan oleh badan profesional sama ada tempatan dan luar negeri. Sementara itu mestilah ditunjukkan bahawa keperluan menubuhkan Majlis ini adalah kerana pihak berkuasa dahulu telah menetapkan tidak ingin meneruskan dengan susunan sekarang ini. Walau bagaimanapun, adalah harapan saya bahawa tindakan ini bukanlah satu langkah ingin menghadkan peperiksaan yang sedang dijalankan oleh badan-badan profesional sama ada tempatan atau luar negeri. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa calon-calon itu masih boleh mengambil peperiksaan Pelajaran Sijil Am (General Certificate of Education) tetapi dengan syarat-syarat. Saya berharap bahan syarat-syarat yang dikehendaki tidak akan menghadkan atau menghindarkan calon-calon yang ingin mengambil peperiksaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menjalankan peperiksaan awam memerlukan satu rancangan yang teliti, bukan hanya taraf mesti dipertahankan tetapi mesti dihormati oleh semua. Adalah mesti mengadakan integrity dan keselamatan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, menambah terhadap komposisi Majlis itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah Fasal 4 kecualian bagi pegawai-pegawai tinggi daripada Kementerian Pelajaran dan 5 ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, bakinya adalah Naib-Canselor Universiti-universiti. Walau bagaimanapun, saya merasa bahawa

untuk mendapat perundingan dan pertimbangan dengan lebih baik Majlis itu patut juga mengandungi ketua-ketua institusi-institusi pengajian tinggi, bukan hanya ketua-ketua universiti. Saya percaya bahawa kepakaran dan perjalanan praktikel mereka itu akan memberi sumbangan-sumbangan yang besar kepada Majlis itu dalam usaha-usaha menjalankan periksaan HSC. Saya merasa bahawa sebagai satu badan yang begitu mustahak patut mengadakan satu Majlis yang mengandungi ahli-ahli yang dapat membayangkan komposisi berbilang kaum negara ini.

Sebenarnya saya mencadangkan bahawa 3 pegawai-pegawai tinggi Kementerian itu patut mengambil bahagian di sana atas asas *ex officio* dan bilangan mereka bolehlah ditambahkan kepada 5 ahli-ahli itu yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya percaya dengan penyertaan yang besar, iaitu mengandungi ahli-ahli awam memanglah munculnya penghormatan dan kepercayaan yang lebih besar terhadap usaha dan kerja Majlis itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi lagi bahawa penubuhan Majlis ini tidak akan menghadkan dan menghindarkan peperiksaan yang lain dalam negara ini di mana pelajar-pelajar atau calon-calon ingin mengambil. Di sini saya menyokong usul bagi Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut senarai saya ada dua orang yang ada sudah bercakap. Oleh sebab saya sudah umumkan Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 6.00 petang saya beri seorang lagi peluang bercakap. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.53 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 ini. Saya menyokong kerana Rang Undang-undang ini merupai sebagai satu langkah Kerajaan akan berdikari di dalam soal pengelolaan peperiksaan dan juga merupai satu cara yang Majlis ini tidak lagi bergantung kepada orang lain dalam menjalankan peperiksaan. Dengan ini juga menunjukkan kemampuan dan ke-

matangan Kerajaan dalam melaksanakan tugas peperiksaan, lebih-lebih lagi dalam melaksanakan Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan tanpa menjejaskan mutu dan juga taraf sijil serta ilmu pengetahuan yang terdapat di dalam peperiksaan, dengan lain perkataan bahawa taraf peperiksaan akan lebih terjamin dan tidak terjejas.

Dalam menentukan taraf pelajaran dan juga sijil yang akan dikeluarkan dengan pelaksanaan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia. Kerajaan tidak perlu takut atau dimbang atau bertolak ansur ataupun tidak perlu mendengar apa kritik-kritik ataupun suara sumbang dari pihak-pihak yang tidak bersetuju kerana yang lebih mereka utamakan ialah kepentingan politik, bukan dari segi kepentingan perpaduan dan juga dari segi rakyat yang ada dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di dalam pengakuan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri di dalam mutu dan taraf pelajaran yang diberi di dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini sudah cukup bagi kita memberi kepercayaan penuh terhadap kebolehan dan keupayaan yang ada pada Kerajaan dan juga Majlis Peperiksaan yang akan dilaksanakan ini. Bahasa penghantar di dalam peperiksaan sebenarnya tidak boleh dijadikan ukuran bagi menilaikan tinggi atau rendah mutu pelajaran ataupun taraf sijil. Ini telahpun disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kelmari, cuma pihak yang tidak mahukan pelaksanaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya sebagai satu cara atau cuba menimbulkan sebab serta cuba hendak meletakkan sebab-sebab itu kepada mutu ataupun sijil peperiksaan yang akan dijalankan.

Sebagaimana yang kita tahu banyak negara-negara maju seperti negeri Jepun sendiri tidak pernah mempersoalkan tentang bahasa pengantarnya selain daripada bahasanya tetapi telah mencapai kemajuan dalam pelajaran, lebih-lebih lagi di dalam soal pelajaran sains dan teknologi. Sekiranya ada golongan yang masih mempersoalkan tentang standard ataupun taraf pelajaran dan peperiksaan yang melalui perlaksanaannya di dalam Bahasa Malaysia yang dijadikan dalam peperiksaan itu dan juga pelaksanaan Akta ini adalah menggambarkan bahawa mereka ini cuba menentang dan tidak mahu pelaksanaan Bahasa Malaysia

sepenuhnya di negara ini di samping Bahasa Ingeris sebagai bahasa yang kedua atau bahasa international.

Selain daripada itu saya cuba menyebutkan dalam seksyen 11 (4), Jawatankuasa Kecil yang akan dibentangkan dalam Majlis ini bahawa Jawatankuasa ini boleh terdiri daripada orang-orang yang bukannya Ahli Majlis tetapi saya minta supaya boleh dipertimbangkan pengerusinya sepatutnya akan terdiri daripada Ahli-ahli Majlis supaya Jawatankuasa ini bertindak dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan Majlis ini dan juga menentukan segala keputusan Ahli Jawatankuasa tidak terkeluar dari kehendak-kehendak Akta dan juga Majlis dan juga untuk menentukan keluhuran ataupun ketidak-bocoran segala rahsia yang ada dalam Majlis ini, dalam Akta ini atau juga dalam keputusan Majlis ini.

Selain daripada itu juga Kuasa-kuasa Menteri. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meragui tentang kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri serta mempersoalkan keluhuran dan keupayaan serta kebolehan Menteri Pelajaran yang dilantik daripada Kerajaan Barisan Nasional yang akan melaksanakan tanggungjawab dan menggunakan kuasa yang diberi yang tidak akan mengatasi daripada Akta ini. Sebenarnya pihak yang menimbulkan perkara ini mungkin tidak begitu faham dari segi soal pentadbiran dan juga dari soal bagaimana cara-cara pelaksanaan di dalam memberi kuasa atau dalam pelaksanaan satu perundangan. Jadi mungkin mereka tidak faham tentang kuasa-kuasa yang diberi itu yang tidak akan mengatasi daripada Akta ini. Saya rasa pihak Menteri ini tidak akan menggunakan sewenang-wenang kuasa dan ini telahpun kita mempercayai kemampuan Yang Berhormat Menteri dalam menjalankan perkara ini. Tetapi apa yang saya tidak tahu, apa yang saya hendak penjelasan di sini wakil-wakil daripada pihak Pembangkang ini selalu menimbulkan atau mempersoalkan kuasa-kuasa Menteri ataupun kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong. Kelmarin Wakil dari Petaling mempersoalkan kuasa Yang di-Pertuan Agong, beliau selalu menunjukkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang di-Pertuan Agong tidak payah disebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Fasal kuasa Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal Menteri itu tidak mengapalah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Fasal di dalam Rang Undang-undang ini ada juga merujuk kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tidak ada yang saya dengar Ahli yang bercakap menyentuh kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Di dalam ini ada, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Fasal 4 (2)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: ada merujuk kuasa ini kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong, tetapi pihak yang berkenaan selalunya seolah-olah mengangapkan bahawa satu keputusan itu atau menidakkan Yang di-Pertuan Agong itu tidak mempunyai kuasa yang teragung di dalam negara ini kerana mereka ini selalu mempersoalkan yang bahawa satu kuasa Yang di-Pertuan Agong itu adalah hasil daripada keputusan Menteri atau Perdana Menteri yang selalu disuarakan dalam Dewan ini tetapi mereka itu tidak memahami bahawa kuasa Menteri dan juga kuasa Perdana Menteri itu merupai kuasa nasihat yang kuasa pemutusannya tidak akan lari daripada kuasa Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai satu kuasa yang teragung dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah. Masa cukup. Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.01 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang yang saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Di dalam perbahasan ini saya telah membuat kiraan iaitu seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat telah berucap meliputi lebihkurang

15 perkara satu persatunya dihuraikan oleh tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Terlebih dahulu saya suka menuntut maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat menjawab satu persatu soal ataupun cadangan serta perhatian yang dibuat oleh mereka. Kalaulah terjadi dan saya akan cuba sedaya upaya menyentuh perkara-perkara yang saya fikirkan sangat perlu saya jawab untuk mengelakkan apa-apa salah faham di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Nampak saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sangat menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam soal penubuhan Majlis ini ialah perkara-perkara berhubung dengan otonomi, rahsia dan bahaya diskriminasi atau bahaya apa yang dikatakan diskriminasi serta soal pembocoran. Soal-soal ini telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Tanah Merah, Pagoh, Kepong, Bachok, Tumpat, Kuala Lumpur Bandar, Kangar dan Pasir Puteh.

Saya sukalah terlebih dahulu menyatakan bahawa oleh sebab hendak mengelakkan soal-soal otonomi ini disalahgunakan ataupun soal rahsia hendak dipastikan dan mengelakkan bahaya diskriminasi serta pembocoranlah maka Fasal-fasal 26, Fasal 9 dan Fasal 28 diisikan di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka menyatakan di sini bahawa tidak benar seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kalaulah dikatakan bahawa Kementerian Pelajaran, Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan dengan peperiksaan di sekolah-sekolah di negara kita ini telah menjalankan apa-apa juga dasar diskriminasi di dalam tiap-tiap peperiksaan yang telah dan yang akan diadakan di dalam negara kita ini. Ini perlu dijelaskan oleh sebab insinuation ataupun implikasi hujah yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sangat besar maknanya dan berbunyi seolah-olah dasar diskriminasi berasas kepada perkauman terjadi di dalam negara kita. Bukti kita tidak mengadakan ataupun melaksanakan dasar diskriminasi ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu seorang yang telah mengatakan ada pengalaman, ialah misalnya dengan jelas penggunaan nombor index

di dalam tiap-tiap satu peperiksaan dan apabila dipilih seseorang pemeriksa kertas-kertas peperiksaan di sekolah-sekolah, pihak Kementerian Pelajaran ataupun pihak-pihak yang berkenaan tidak pernah mengambil kira latarbelakang perkauman seseorang guru ataupun pemeriksa sesuatu peperiksaan yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran ataupun pihak-pihak yang berkenaan.

Dari segi soal otonomi Majlis ini sukalah saya nyatakan bahawa oleh sebab Kerajaan memerlukan otonomilah maka Majlis ini ditubuhkan. Ini prinsip dan saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Fasal 9 di dalam Rang Undang-undang ini jelas memberi perogative kepada Majlis untuk menentukan semua hal ehwal berhubung dengan soal-soal akademik—ini perlu dijelaskan.

Dari segi peranan Menteri, sukalah saya menyatakan bahawa telah jelas diperkatakan bahawa peranan Menteri ialah semata-mata untuk menentukan bahawa apa juga keputusan dan perjalanan serta pentadbiran Majlis ini dijalankan tidak terkeluar daripada Dasar Pelajaran ataupun Akta Pelajaran negara kita.

Dari segi pembocoran dan apakah langkah-langkah yang hendak diambil ataupun boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan bahaya ini, pihak Kementerian Pelajaran memang sedar atas bahaya kebocoran ini dan bagaimana kalau kebocoran ini berlaku, sesuatu peperiksaan itu tidak ada makna langsung diadakan dan bagaimana kalau pembocoran ini berlaku mengakibatkan satu kedudukan yang buruk kepada anak-anak kita di bangku sekolah.

Pada masa-masa yang lepas memang telah disadari atas bahaya ini malahan telahpun terjadi kes-kes pembocoran di dalam peperiksaan-peperiksaan yang tertentu. Maka berasas kepada pengalaman itulah pihak Kementerian Pelajaran memenuhi hasrat untuk mengelaknya seperti terkandung di dalam Fasal 28 di mana hukuman-hukuman yang begitu keras, ketat dan berat dicadangkan akan digunakan kepada sesiapa juga yang bertanggungjawab dengan cara langsung atau tidak langsung di atas sesuatu pembocoran yang berlaku di dalam peperiksaan HSC/STP yang tertentu termaktub di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan besar yang kedua ialah soal pengiktirafan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, Tanah Merah, Pagoh, Kuala Lumpur Bandar, Kangar dan Pasir Puteh. Saya suka menyatakan bahawa pihak Kerajaan sendiri memang mengambil berat soal pengiktirafan ini malahan tiap-tiap kali diadakan peperiksaan dan apabila kita mengambilalih kuasa peperiksaan dan pengiktirafan daripada satu badan seperti Cambridge di dalam peperiksaan MCE/SPM misalnya, soal pengiktirafanlah yang menjadi soal utama yang diambil kira oleh Kementerian Pelajaran. Di dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa ada dua bidang pengiktirafan yang harus kita mengambil ingatan.

Bidang yang pertama ialah bidang formal—pengiktirafan dengan cara formal dan dalam bidang formal ini dua peringkat perlu diambil kira. Peringkat dalam negeri dan peringkat luar negeri. Di peringkat dalam negeri soal pengiktirafan tidaklah timbul oleh sebab Kerajaan adalah committed ataupun akan tetap dan pasti mengiktirafkan sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Majlis ini. Di peringkat luar negeri telah saya sebutkan di dalam ucapan saya apabila membentangkan Rang Undang-undang ini soal ini sudahpun diambil kira dan dipastikan oleh Kementerian Pelajaran seperti yang kita telah dapat persetujuan yang pertamanya daripada Cambridge untuk memberi apa yang saya panggil “collaboration” ataupun memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan Majlis di dalam soal pengiktirafan ini, pihak Cambridge telah bersetuju memainkan peranan seperti berikut:—

- (1) Di dalam bidang sukatan pelajaran yang disebutkan oleh dua tiga orang Ahli Yang Berhormat.
- (2) Mereka akan memberikan pinjaman ataupun akan menjalankan pinjam-meminjam kertas-kertas soalan.
- (3) Mereka akan menjalankan penaksiran kertas-kertas soalan.
- (4) Mereka akan memberi khidmat-nasihat pakar berhubung dengan teknik-teknik peperiksaan.

Selain daripada Cambridge adalah dipastikan bahawa badan-badan yang tertentu yang lain akan memberi pengiktirafan seperti mana juga yang telah diberikan kepada peperiksaan MCE/SPM dan di peringkat

luar negeri juga yang ada hubungan dalam negeri ialah bahawa universiti-universiti dalam negeri kita memainkan peranan dan universiti-universiti itu mengiktirafkan sijil itu dan dengan secara tidak langsung pula maka sijil itu akan dapat diiktiraf di luar negeri juga memandangkan kedudukan universiti-universiti tempatan kita yang di bidang antarabangsa pada masa sekarang.

Bidang yang kedua ialah bidang informal dari segi pengiktirafan, bidang informal ini tidak dapat diukur setakat ini oleh sebab ianya belum dilaksanakan. Apabila sijil itu mula dikeluarkan oleh Majlis sama ada sijil ini akan diterima atau diiktiraf atau tidak terpuhlah kepada performance mereka yang lulus di dalam peperiksaan yang dikenakan oleh Majlis ini. Pada saya selaku Menteri Pelajaran saya sungguh penuh kepercayaan dan confident, bahawa mereka yang akan mendapat kelulusan melalui Majlis ini mendapatkan sijil, insya Allah akan dapat membuktikan bahawa mereka benar-benar layak. Oleh sebab saya penuh kepercayaan kepada keutuhan dan kebaikan sistem pelajaran yang ada sebagai asas kepada peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran ataupun STP yang akan dikelolakan oleh pihak Majlis ini.

Soal yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal peperiksaan lain dan kedudukan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Soal ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Kuala Lumpur Bandar, Mantin dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya suka menyatakan bahawa Lembaga Peperiksaan yang ada sekarang akan terus menjalankan tugasnya setakat peperiksaan SPM/MCE sahaja di situ sahaja, setakat itu sahaja. Majlis ini khas ditubuhkan untuk mengelolakan peperiksaan STP/HSC. Ini harus diketahui dan dari segi peperiksaan-peperiksaan lain, penubuhan Majlis ini seperti saya katakan, tidak akan melibatkan peperiksaan-peperiksaan profesional yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin ataupun peperiksaan-peperiksaan yang lain, walaupun saya sendiri tahu bahawa peruntukan di dalam Fasal 22 memberi kuasa kepada Menteri untuk menukarkan Jadual Pertama, tetapi apa yang penting kita ingat di sini ialah hasrat kita mengadakan peruntukan ini untuk memastikan apa juga keperluan pada masa akan datang di dalam peperiksaan-peperiksaan yang lain yang ada hubungan dengan

HSC/STP yang ada kaitannya, tetapi tidak bercanggah dengan Dasar Pelajaran dan Akta Pelajaran negara kita.

Soal yang keempat yang telah dibangkitkan ialah jadual peperiksaan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan dari Kangar. Saya suka menyatakan bahawa pihak Majlis, saya percaya akan tetap mengambil ingatan atas pandangan dan pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Soal Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai Majlis ini, memanglah menjadi satu soal yang agaknya besar, oleh sebab maklum-lah kita hendak melihatkan bahawa Majlis ini dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Saya suka memberi pengakuan di sini bahawa Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai yang akan dilantik sebagai pegawai-pegawai di dalam Majlis ini akan merupakan mereka yang benar-benar layak dan benar-benar berkebolehan supaya Majlis ini lebih-lebih lagi pada masa permulaan pelancarannya akan mendapat satu nama baik ataupun imej yang baik dari mula-mula. Apabila saya mengatakan orang yang paling baik dan paling berkelayakan tentulah sesuai atau dipersesuaikan juga dengan pembayaran gajinya. Apabila tiba permohonan kita hendak minta gaji barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kangar tentulah saya akan mendapat sokongan kuat daripada beliau sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan satu soal yang agaknya besar iaitu soal kemungkinan pelajar-pelajar kita digunakan sebagai guinea-pig. Saya sangat-sangat sedar bahawa sistem pelajaran kita ini adalah satu sistem yang sentiasa menghadapi pertukaran dan pada masa yang lepas ada kejadian anak-anak kita menjadi apa yang dikatakan guinea-pig atau sebagai percubaan. Tetapi di dalam bidang peperiksaan STP/HSC ini tidak akan terjadi oleh sebab yang pertama peralihan yang dibuat di dalam peperiksaan STP/HSC adalah beransur-ansur berasas kepada pengalaman dan kedua setelah Majlis ini ditubuhkan pada tahun 1980, hanya pada tahun 1982 sahaja Majlis ini akan mengambil semua sekali usaha-usaha atau tanggungjawab untuk mentadbirkan peperiksaan mendapatkan sijil HSC/STP ini.

Begitu juga ada kaitannya dengan pegawai-pegawai dan perlantikan Setiausaha Agung, soal anggota dan Pengerusi Majlis dan

jawatankuasa telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, Kuala Lumpur Bandar, Mantin, Kepong, Tumpat dan Bacok. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa sama juga dengan hasrat Kerajaan hendak menentukan otonomi, kejujuran dari segi keutuhan, mengelakkan kebocoran dan untuk menentukan pelaksanaan pentadbiran yang licin dan berkesan, maka pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya ambil ingatan dan akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan Kangar telah menyebutkan soal cara menilai pelajar-pelajar kita. Sebenarnya nampak saya mereka ini menyentuh soal asas soal prinsip dari segi sistem kita menjalankan penilaian anak-anak kita di bangku sekolah. Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan tidak bercadang hendak mengikut pendapat-pendapat ataupun cadangan serta syor kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini. Kita masih akan meneruskan sistem mengadakan peperiksaan tahunan seperti kita adakan dahulu, lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya memperhatikan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, semua daripada kita adalah hasil daripada sistem peperiksaan ini, nampaknya tak ada Ahli Yang Berhormat yang hysterical seperti terjadi di kalangan beberapa orang anak kita di kampung-kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu. Walau macam manapun sama ada sistem ini akan dapat kekal dari segi pelaksanaan peperiksaan HSC/STP atau tidak terpulanglah kepada Majlis untuk membuat pertimbangan atas kemungkinannya, kebaikannya ataupun tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan soal penasihat, saya fikir tidak perlu diadakan penasihat oleh sebab Cambridge menjadi penasihat, universiti-universiti menjadi penasihat dan Kementerian Pelajaran pun menjadi penasihat. Tetapi yang lebih penting lagi ialah badan-badan luar seperti Cambridge dan universiti-universiti yang sangat berpengalaman dapat memberi tunjukajar kepada Majlis ini pada keseluruhannya.

Soal pengawas dan pemeriksa serta penerangan kepada ibubapa, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan

Kepong untuk diberi penerangan dan penjelasan dan sebagainya. Sungguhpun saya suka menyatakan setelah Undang-undang ini diluluskan tiap-tiap seorang harus mengetahui atas akibatnya kalau seseorang itu melanggar Undang-undang ini. Walau macam manapun saya bersetuju pada dasarnya untuk penerangan-penerangan diberi kepada ibubapa dan pegawai-pegawai serta pengawas dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah bertanya sama ada tempoh pelajaran di peringkat STP/HSC akan dikurangkan kepada satu tahun, jawabnya tidak. Oleh sebab saya kata tadi kita mengikut sistem yang ada sekarang ini, sungguhpun seperti saya katakan tidaklah bermakna bahawa Majlis nanti, oleh sebab dia ada kuasa yang tertentu tidak akan menerima cadangan Ahli Yang Berhormat ini kalau difikirkan perlu pada masa-masa yang akan datang tetapi pada masa ini kita tidak ada cadangan.

Soal yuran telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur dan Kangar, saya suka menyatakan di sini bahawa sebenarnya yuran-yuran peperiksaan di mana-mana juga di seluruh dunia ini semakin lama semakin naik, sama dengan inflasi dan sebagainya. Tetapi kita juga perlu memahami bahawa untuk membolehkan pihak Majlis mendapatkan sumbangan-sumbangan yang bermutu (quality) dan juga dalam pengendalian peperiksaan-peperiksaan yang akan diadakan maka tentulah bayaran juga, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencahkan supaya dibayar gaji begitu tinggi kepada pegawai-pegawai tentulah kita hendak ada duit, bila hendak ada duit kita kenakan yuran dan saya percaya bahawa Majlis ini tidak akan menjadikan ianya sebagai satu badan yang mencari untung, Majlis ini ialah merupakan satu Majlis service oriented, menjalankan peperiksaan untuk anak-anak kita di bidang HSC/STP.

Akhirnya, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara-saudara saya daripada parti saya sendiri yang telah begitu bersemangat membantu saya memberi hujjah-hujjah dan membentaras hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini memang kebiasaannya tetapi itulah solidarity

dari segi parti-parti dalam Kerajaan yang sangat-sangat saya hargai dan saya ucapkan ribuan terima kasih (*Tepuk*).

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 31—

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan berkenaan dengan Fasal 25 (3) dan juga Fasal 28 tentang denda penjara selama tempoh tidak lebih daripada 2 tahun atau kedua-duanya. Kalau kita baca daripada Jadual Kedua, Bahagian 2 iaitu: Jawatan seseorang ahli lantikan Majlis hendaklah dikosongkan—dan 2 (b) (iii) “apa-apa kesalahan lain yang boleh dikenakan hukum penjara selama lebih daripada dua tahun”, jadi mengikut di sini tidak lebih daripada 2 tahun kalau mereka membocorkan rahsia ataupun mereka tidak menyimpan rahsia tetapi membocorkan maka mereka tidak boleh disingkirkan daripada perkhidmatan ahli Majlis, kalau kita melihat dari segi tidak lebih daripada 2 tahun. Saya ingin penjelasan.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam Jadual Kedua 2 (b) (iii) yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, ini adalah kesalahan luar daripada kesalahan yang dikenakan di bawah Undang-undang Majlis ini. Maksudnya dengan kesalahan-kesalahan lain berlaku dan dia didenda, dia akan mengosongkan tempatnya.

Fasal 17 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.29 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang yang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan pengawalan Taman-taman Negara dan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi mengadakan satu perundangan untuk menubuhkan dan mengawal taman-taman negara kepada kesemuanya negeri-negeri melainkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta kawasan Taman Negara yang ujud pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung ucapan Yang Berhormat selepas daripada urusan Belanjawan. Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 4.00 petang hari Khamis, 18hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.